



**ANALISIS GAYA BAHASA DALAM KUMPULAN PUISI MATAHARI ITU JAUH  
KARYA ROSLI K MATARI BERDASARKAN TEORI PUITIKA SASTERA MELAYU**

**NURUL HAZWANI BINTI AHMAD SUKRI C20A1589**

**Projek penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Muda  
Pengajian Warisan dengan Kepujian**

UNIVERSITI  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
2024  
KELANTAN

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh..... sehingga.....



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

---

Tandatangan

Nurul Hazwani Binti Ahmad Sukri  
C20A1589

Tarikh: 10 / 2 / 2024

---

Tandatangan Penyelia

Dr. Nordiana Binti Ab Jabar  
Tarikh: 10 / 2 / 2024

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, ucapan syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menjayakan projek penyelidikan yang merupakan keperluan kursus Ijazah Sarjana Pengajian Warisan dengan Kepujian di Universiti Malaysia Kelantan.

Banyak dugaan dan cabaran terpaksa dilalui dalam menjayakan projek penyelidikan ini disebabkan kekangan masa,tenaga dan juga kos perbelanjaan. Justeru itu, saya menggunakan alternative dengan merujuk sumber-sumber internet, kajian lepas,temubual dan sebagainya. Oleh itu, kelemahan yang berlaku dalam menjayakan projek penyelidikan ini tidak membebankan dan mengurangkan rasa terima kasih dan hormat pengkaji kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Dr Nordiana Binti Ab Jabar kerana sentiasa memberi bimbingan,nasihat serta dorongan dalam menjayakan projek penyelidikan ini. Selain itu, saya ingin berterima kasih kepada ibubapa dan keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang banyak membantu dan memberi dorongan kepada saya serta pihak Universiti Malaysia Kelantan yang telah membuka peluang untuk saya menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana.Akhir kata, dengan keberhasilan projek penyelidikan ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada generasi akan dating sebagai rujukan dalam kajianya.

Sekian,terima kasih.

Nurul Hazwani Binti Ahmad Sukri  
Kampung Bukit Bidang,  
16810, Selising,  
Pasir Puteh,Kelantan  
Emel: [wanieysukri00@gmail.com](mailto:wanieysukri00@gmail.com)

**ISI KANDUNGAN****BAB 1: PENGENALAN****PENGESAHAN TESIS**

i

**PENGHARGAAN**

ii

**ISI KANDUNGAN**

iii

**ABSTRAK**

vii

**ABSTRACT**

viii

## 1.1 Pendahuluan

1

## 1.1 Latar Belakang Kajian

5

## 1.2 Permasalahan Kajian

7

## 1.3 Persoalan Kajian

9

## 1.4 Objektif Kajian

10

## 1.5 Batasan Kajian

11

## 1.6 Kepentingan Kajian

15

## 1.7.1 Kepentingan kepada Individu

15

## 1.7.2 Kepentingan kepada Masyarakat

16

1.7.3 Kepentingan kepada Negara	16
1.7 Definisi Konsep	17
1.8.1 Puisi	17
1.8.2 Gaya Bahasa	18
1.8 Kesimpulan	20
<b>BAB 2 : KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 Pendahuluan	21
2.2 Kajian Lepas Mengenai Puisi	22
2.3 Kajian Lepas Mengenai Gaya Bahasa	27
2.4 Kajian Lepas Mengenai teori Puitika Sastera Melayu	33
2.6 Kesimpulan	38
<b>BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0 Pendahuluan	39
3.1 Reka Bentuk Kajian	41
3.1.1 Dokumentasi	42
3.3 Cara Pengumpulan data	43

3.2.1 Kaedah Kepustakaan	
3.2.2 Kaedah Internet	44
3.2.3 Kaedah Analisis Dokumen	45
3.2.4 Artikel, Jurnal dan Buku	48
3.2.5 Temu bual	49
3.3 Penerapan Teori	50
3.3.1 Puitika Sastera Melayu	50
3.3.2 Pendekatan Yang Indah-indah	51
Kaedah Analisis	53
Kerangka teori	54
3.5 Kesimpulan	55

#### **BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

4.0 Pengenalan	56
4.1 Jenis Gaya Bahasa	57
4.1.1 Sinisme	58
4.1.2 Metafora	61
4.1.3 Paradoks	64
4.1.4 Personafikasi	65

4.1.5 Anafora	68
4.1.6 Asonansi	70
4.1.7 Aliterasi	73
4.1.8 Epifora	74
4.1.9 Ironi	75
4.2 Maksud Gaya Bahasa Melalui pendekatan yang indah-indah	77
4.2.1 Dunia luas yang dipadatkan	77
4.2.2 Maina Kiasan dan saranan	81
4.2.3 Dunia Berjodoh	85
Hubungkait gaya Bahasa dengan pemikiran Pengarang	89
<b>BAB 5: RUMUSAN</b>	
5.1 Pendahuluan	97
5.2 Perbincangan	98
5.3 Cadangan	
5.3.1 Individu	99
5.3.2 Masyarakat	100
5.3.3 Negara	101
5.4 Kesimpulan	102
<b>RUJUKAN</b>	103

## **Analisis Gaya Bahasa Dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh karya Rosli K Matari Menggunakan teori Puitika Sastera Melayu**

### **ABSTRAK**

Kajian ini adalah mengenai Analisis Gaya Bahasa Dalam Kumpulan Puisi *Matahari Itu Jauh* karya Rosli K Matari berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu. Gaya bahasa adalah suatu cara atau ragam bahasa itu dipakai terutamanya dalam tulisan atau karangan. Terdapat tiga objektif yang digunakan menerusi kajian ini iaitu mengenalpasti jenis gaya bahasa yang terdapat dalam kumpulan puisi *Matahari Itu Jauh*, menganalisis maksud gaya bahasa melalui pendekatan perkataan yang indah-indah dalam teori puitika sastera Melayu dan menghubung kait gaya bahasa dengan pemikiran pengarang menggunakan teori puitika sastera Melayu. Menerusi kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data seperti rujukan internet, kepustakaan dan juga temubual. Selain itu, kajian ini menggunakan teori Puitika Sastera Melayu yang menfokuskan gaya bahasa yang terdapat dalam kumpulan puisi *Matahari Itu Jauh* karya Rosli K Matari. Hasil kajian menunjukkan gaya bahasa yang digunakan mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri dan dapat memberi didikan serta pengajaran kepada masyarakat.

**Kata kunci:** Gaya Bahasa, Kumpulan Puisi, Matahari Itu Jauh, Rosli K Matari, Teori Puitika Sastera Melayu

**KELANTAN**

***Analysis of Language Style in Poem “Matahari Itu Jauh” by Rosli K Matari Using the Poetic Theory***

**ABSTRACT**

This study is about the Analysis of Language Style in the Poetry Collection Matahari Itu Jauh by Rosli K Matari based on the theory of Malay Literary Poetry. Language style is a way or variety of language that is used especially in writing or essays. There are three objectives used through this study which are to identify the type of language style found in the collection of poems Matahari Itu Jauh, analyze the meaning of language style through the approach of beautiful words in Malay literary poetic theory and relate the language style to the author's thoughts using literary poetic theory Malay. Through this study, the researcher used a qualitative method by using data collection methods such as internet reference, library and also interviews. In addition, this study uses the theory of Malay Literary Poetry which focuses on the style of language found in the poetry collection Matahari Itu Jauh by Rosli K Matari. The results of the study show that the style of language used has its own aesthetic value and can provide education and instruction to the community.

**Keywords:** Language Style, Poetry Group, The Sun Is Far Away, Rosli K Matari, Poetic Theory of Malay Literature

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Puisi adalah sebuah genre sastera yang tinggi nilai estetikanya daripada genre sastera yang lain seperti novel, cerpen dan drama. Hal ini demikian, kerana dalam penghasilan sesebuah puisi adalah sangat terikat dengan nilai estetikanya. Ukuran nilai estetikanya dilihat dari aspek unsur kepelbagaian, keseimbangan dan kesatuan yang terkandung dalam sesebuah puisi. (Lufti Abas, 2000: 54). Selain itu, nilai estetika sesebuah puisi dapat dilihat dari tema, perasaan, dan nada yang merupakan unsur intrinsik dalam puisi yang dapat dilihat daripada bahasa yang merupakan medium pengucapan sesebuah puisi. Puisi terbahagi kepada dua iaitu puisi tradisional dan puisi moden.

KELANTAN

Pada era moden kini, puisi Melayu moden sangat dikenali dan tidak asing lagi di Malaysia. Puisi Melayu moden adalah sebuah seni yang digemari oleh masyarakat yang bertujuan untuk meluahkan atau menzahirkan sesuatu. Sajak merupakan sebuah puisi Melayu moden kerana ia berbentuk bebas iaitu tudak terikat pada jumlah baris, suku kata sebaris, perkataan sebaris, rima, rangkap dan sebagainya. Menurut Haron ( 1989), Sahlan Mohd Saman & Shaiful Bahri ( 2014 ) puisi Melayu tradisional pula adalah sebuah karangan berangkap yang dututurkan dalam susunan pengucapan biasa. Ismail Yussoff ( 2008) menyatakan puisi Melayu moden berkembang kerana terjadi penentangan terhadap puisi lama. Oleh hal yang demikian, para penyair baharu telah membuat pembaharuan terhadap puisi-puisi yang baharu kerana mereka tidak mahu terikat berdasarkan syarat-syarat tertentu seperti pantun dan syair. Pertumbuhan sajak ini juga adalah pengaruh dari perkembangan sajak di Indonesia kerana para penyair Melayu selalu meneliti dan terbiasa dengan rujukan dan bahan-bahan terbitan Indonesia seperti Pujangga Baru, majalah Bintang Timur dan Hindia Belanda dan mereka ini adalah terdiri daripada guru bahasa Melayu dari Universiti Pendidikan Sultan Idris ( UPSI). Terdapat beberapa konflik mengenai pertumbuhan puisi Melayu moden kerana banyak pandangan yang ada mengenainya. Antaranya adalah sajak ini bermula pada tahun 1913 manakala pandangan lain pula menyatakan sajak telah mula dicipta di tahun 1933. Lim Swee Tin ( 2007) menyatakan sajak yang terawal dihasilkan adalah pada 18 Januari 1913 yang bertajuk ‘ Angan-angan dengan Gurindam. Sajak ini adalah mengenai persoalan ekonomi dan politik orang Melayu yang telah ditulis oleh Omar Mustaffa. Pendapat lain pula iaitu Kamaruzzaman A. Kadir dan Siti Aisah Murad ( 2008) menyatakan perbezaan pendapat ini timbul kerana puisi dicipta secara berterusan tanpa adanya kekosongan dalam kegiatan penulisan puisi seperti tahun yang sebelumnya. Sahlan dan Shaiful Bahri ( 2014)

menyatakan Sajak Pungguk atau nama sebenarnya Muhammad Yasin Maamor yang berjudul ‘ Di Tengah Segera’ yang telah diterbitkan dalam Majalah Guru, Jilid 10 pada 12 Disember 1933 telah disebut sebagai permulaan pertumbuhan puisi moden di Malaysia.

Bahasa merupakan elemen yang sangat penting dalam penghasilan sesebuah puisi. Dalam hal ini terdapat beberapa definisi puisi yang telah dinyatakan oleh pengkaji puisi tempatan yang berkait rapat dengan penggunaan bahasa dalam penghasilan sesebuah puisi. Za’aba ( 1965:28) menyatakan puisi adalah sebuah medium untuk melafaz fikiran cantik dengan menggunakan bahasa yang indah , dan melukis kemanisan dan kecantikan bahasa. Dengan adanya bahasa yang indah dan cantik ini akan menarik hati para pendengar puisi ini. Selain itu, pendapat dari Anis Sabirin ( 1973:2) menyatakan puisi merupakan cabang seni yang dikenal sebagai sastera atau kesusasteraan yang bermaksud bahasa yang indah, berrima dan mempunyai bentuk yang tertentu.Muhammad Haji Salleh ( 1984: 30) menyatakan puisi adalah satu bentuk penggunaan bahasa yang sangat sempurna kerana sumber-sumbernya digunakan secara menyeluruh. Menurut Haji Muhammad Salleh lagi, seseorang penyair yang baik akan meluaskan sempadan bahasanya dengan metafora baharunya dan dengan muzik merdu.

Berdasarkan Samuel Taylor Coleridge puisi didefinisikan sebagai ‘*The best word in the best order*’ atau dalam bahasa Melayunya kata-kata terbaik atau terindah dalam susunan terbaik atau terindah ( Rahmat Djoko Pradopo,1987:6). Maksud bagi ayat tersebut adalah penghasilan dan penciptaan puisi menitikberatkan kata-kata yang indah untuk membina struktur dalaman puisi dan disusun menjadi sebuah susunan yang indah yang membentuk struktur dalam sesebuah puisi. Hal ini dilihat sesebuah puisi mempunyai dua struktur iaitu struktur dalam dan juga struktur luaran. Struktur dalaman dapat dikenal pasti dari makna yang terkandung dalam sesebuah puisi. Dalam hal ini I.A. Richards yang merupakan seorang pengkritik terkenal telah menyatakan bahawa makna dan struktur batin sesebuah puisi adalah paduan dari tema, nada, perasaan mesej dan amanat ( I.A Richards, 1976: 180-181). Pendapat ini telah di sokong oleh Muhamamd Haji Salleh yang telah memberi pendapatnya bahawa sesebuah puisi basanya menjadi pembawa pengalaman manusia, cara merasa dan berfikir, sikap dan pandangan terhadap masyarakat dan alamraya ( Muhammad Haji Salleh, 1984:9).Daripada penyataan tersebut dapat difahami sesebuah puisi adalah pemikiran seseorang pengarang terhadap sesuatu perkara.

Pada tahun 1989 teori Puitika Sastera Melayu mula terwujud dan merupakan teori sastera tempatan Melayu pertama yang cukup lengkap yang dibicarakan secara serius (Mana Sikana, 2017: 25-33). Teori ini digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh dan penghasilan *Puitika Sastera Melayu: satu pertimbangan* ( 1989) yang bermula dengan sebuah syarahan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam hal ini, beliau mula bertitik tolak dari sebuah tradisi Mak Yong dan bangsawan, wayang kulit dan juga selampit. Beliau telah meninjau akan kelebihan dan kepentingan sebuah pentas terbuka yang merupakan ciri utama khalayak sastera Melayu tradisional seperti yang tergambar dalam beberapa watak

pentas seperti Pak Dogol, Wak Yah dan Pak Samad dalam persembahan wayang kulit. Teori Puitika Sastera Melayu mengandungi lapan aspek utama iaitu takrif dan istilah, fungsi karya sastera, genre, perkataan yang indah-indah, teks, memperbaharui Pengarang, Yang indah-indah: Estetika Sastera Melayu dan khalayak di Serambi Pentas. Menerusi kajian ini adalah untuk menganalisis gaya bahasa yang terdapat dalam *Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh* karya Encik Rosli K Matari berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu. Menerusi teori Puitika, pengkaji memilih aspek perkataan yang indah-indah bagi melengkapkan objektif dan menyelesaikan kajian ini. Pengkaji memilih aspek perkataan indah-indah ini adalah disebabkan ia bersesuaian dengan topik kajian yang dilaksanakan.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Puisi adalah sebuah prosa moden dan merupakan satu wadah menginterpretasi pemikiran seseorang dengan menggunakan bahasa yang indah. Menerusi sebuah puisi, penyampaian bahasanya mengandungi pelbagai gaya bahasa bagi membolehkan sebuah puisi menarik. Gaya bahasa yang digunakan adalah seperti metafora, aliterasi, asonansi, personafikasi, sinkof dan banyak lagi. Ismail Abdullah ( 1998), menyatakan puisi adalah sebuah pancaran puitis dan puitika yang bersifat naturalistik, spiritual, imitatif dan realistik. Beliau juga menyatakan sebuah puisi tradisional mengandungi adunan, susunan, bentuk atau corak yang dinamik, memikat dan sensitif. Aminuddin ( 2009), menyatakan puisi adalah sebagai pembuatan kerana orang yang mencipta sebuah puisi berada dalam suasannya sendiri sama ada fizik atau mental. Secara umumnya, masyarakat yang mencipta puisi adalah seorang yang optimis, berfikiran terbuka serta memahami nilai estetika bahasa.

Mereka juga cenderung dan lebih peka dengan keadaan sekeliling dan kemudiannya diadaptasi dalam sesebuah puisi yang bermutu.

Gaya bahasa adalah satu kaedah penggunaan bahasa atau disebut ragam bahasa yang diaplikasikan dalam sesuatu tulisan atau karangan ( Keris Mas, 1990: 13). Gaya bahasa diguna pakai dalam sesebuah karya adalah terbahagi dan terdiri dari beberapa jenis gaya bahasa yang khusus Seseorang pengarang menggunakan gaya bahasa untuk menyampaikan maksud tersurat atau tersirat melalui penghasilan karya-karyanya. Oleh sebab itu, kita perlu menguasai bahasa kerana ianya cukup penting bagi seseorang manusia ( Abdul Razak Mohd Kasim, 1998: 556). Gaya bahasa juga digunakan dalam sesebuah karya akan meninggalkan impak yang mendalam di jiwa para pembaca kerana bahasa yang diguna pakai adalah bahasa yang menarik, indah serta mengandungi estetikanya yang tersendiri. Awang Sariyan juga menyatakan kebanyakan orang lebih suka berbicara berkaitan gaya bahasa kerana ianya dapat menjelaskan identiti seseorang penulis atau pengarang.

Teori Puitika sastera Melayu pula digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh yang membicarakan konsep dan prinsip dasar yang menjadi landasan kepada pemikiran dan penghasilan sastera Melayu. Bermula dengan takrif kata-kata dasar, Muhammad Haji Salleh telah memasuki daerah konsep teks, genre, pengarang, bahasa, estetika dan khalayak sastera Melayu seperti yang wujud dalam karya-karya lisan dan tulisan. Konsep-konsep ini digali daripada baris dan karya , bahasa, bait sastera dan lurah kehidupan budaya di Nusantara. Teori Puitika Sastera Melayu sesuai digunakan untuk melihat kepengarangan Melayu terutamanya untuk genre pantun dan juga puisi.

Dalam kajian ini menggunakan kumpulan puisi *Matahari Itu Jauh* karya Rosli K Matahari. Terdapat sejumlah 56 buah puisi yang terdapat dalam karya ini hasil daripada pengalaman, kenangan, pengamatan dan taakulan beliau semasa berkunjung ke Sumatera Utara dan provinsi tengahnya, Indonesia pada hujung tahun 2014. Kunjungan singkat dan cukup bermakna ini telah ditulis dalam bentuk puisi yang cukup unik dan menarik. Nama sebenar beliau ialah Mohd Rosli Nik Mat dan beliau merupakan penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara ( SEA Write Award) pada tahun 2021. Gaya bahasa yang digunakan dalam karya ini juga cukup mendalam dan menarik minat para pembaca. Pemilihan diksi untuk membentuk puisi tidak berlebihan dan pembaca dapat memahami dan merasai pemikiran atau perasaan pengarang dalam karyanya. Rosli K Matari adalah seorang sasterawan negeri Kelantan yang telah banyak memenangi pelbagai anugerah sepanjang karier sebagai penyair dan anak seni.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Kajian ini dijalankan disebabkan generasi masa kini kurang berminat dalam mempelajari gaya bahasa dan puisi-puisi sastera. Hal ini dapat dibuktikan dengan masyarakat harini terutamanya generasi Y lebih suka bertutur dalam Bahasa Barat berbanding Bahasa Ibundanya sendiri lebih-lebih lagi mempelajari penulisan sastera. Menerusi sebuah akhbar Berita Harian Online Prof Madya Dr. Lim Swee Tin ( 2014) telah menyatakan bahawa generasi muda terutamanya generasi Y tidak cakna dalam mempelajari bahasa Melayu dengan baik kecuali ketika berada di sekolah. Seni Bahasa Melayu seperti puisi semestinya di pandang remeh oleh mereka untuk mempelajarinya dan mendalaminya sehingga terus diabaikan oleh mereka. Hal ini demikian, amat merungsingkan pelbagai

pihak kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda yang seharusnya dipelajari oleh semua tidak mengira bangsa atau kaum.

Selain itu, kurangnya kajian dijalankan berkaitan gaya bahasa dan puitika sastera Melayu. Hal ini demikian disebabkan, masyarakat kurang meminati kajian berjian berkaitan gaya bahasa dan teori puitika sastera kerana mereka beranggapan kajian ini bosan dan melelahkan. Mereka lebih gemar mengkaji kajian berkaitan isu semasa dan teori-teori yang hangat di Malaysia. Hal ini demikian, amat membimbangkan kerana kajian ini penting untuk menganalisis nilai keindahan dan estetika yang terdapat dalam sesebuah puisi.

Di samping itu, masyarakat juga kurang pengetahuan berkaitan gaya bahasa kerana terdapat pelbagai gaya bahasa yang tidak dikenali mereka. Mereka hanya mengenali gaya bahasa asas seperti metafora, asonansi, sinkof, simile dan sebagainya yang dipelajari melalui komsas di sekolah. Hal ini demikian, menyebabkan sastera kurang diminati oleh masyarakat.

#### 1.4 Persoalan Kajian

Umumnya, kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji gaya bahasa dalam kumpulan puisi *Matahari Itu Jauh* berdasarkan teori puitika sastera Melayu. Terdapat beberapa persoalan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Antara persoalan kajian tersebut ialah:

- i) Apakah jenis gaya bahasa yang terdapat dalam kumpulan puisi *Matahari Itu Jauh*
- ii) Apakah maksud gaya bahasa melalui pendekatan perkataan yang indah-indah dalam teori puitika sastera Melayu
- iii) Bagaimanakah menghubung kait gaya bahasa dengan pemikiran pengarang menggunakan teori puitika sastera Melayu

### 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji gaya bahasa dalam kumpulan puisi Matahari Itu Jauh berdasarkan teori puitika sastera Melayu. Terdapat beberapa objektif kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Antara objektif kajian tersebut adalah:

- i) Mengenalpasti jenis gaya bahasa yang terdapat dalam kumpulan puisi *Matahari Itu Jauh*
- ii) Menganalisis maksud gaya bahasa melalui pendekatan perkataan yang indahindah dalam teori puitika sastera Melayu
- iii) Menghubungkait gaya bahasa dan pemikiran pengarang menggunakan teori puitika sastera Melayu

## 1.6 Batasan Kajian

Menerusi kajian ini pengkaji telah membataskan kepada *Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh* karya Rosli K Matari. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menganalisis gaya bahasa melalui 23 buah puisi daripada 56 buah puisi yang terdapat dalam *Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh* karya Rosli K Matari. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kualitatif untuk menganalisis data textual dan dokumen serta meneliti kajian-kajian lepas melalui tesis, jurnal, artikel dan buku-buku untuk rujukan. Teori yang digunakan aalah teori puitika sastera Melayu yang telah digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh pada tahun 1989 dengan menggunakan pendekatan yang indah-indah.

BIL	SUB TOPIK	TAJUK PUASI	MUKA SURAT
1.	Ufuk timur	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Catatan Hujung Dinihari</li> <li>• Aku Harus Pergi</li> <li>• Wahai Matahari</li> </ul>	3 5 6
2.	Medan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sepohon Bunga</li> <li>• Ke Mana Arah?</li> <li>• Sudut lain</li> <li>• Walau di mana</li> </ul>	23 16 19 22

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Di sini</li> <li>• Azan Magrib</li> <li>• Malam</li> <li>• Istana Maimon</li> </ul>	27 28 29 32
3.	SiBolangit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Langit Biru</li> <li>• Kisah Tepi Tasik</li> <li>• Bawalah aku ke Langit</li> </ul>	39 43 48
4.	Kabanjahe	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mereka Menyahut azan</li> </ul>	53
5.	Penatapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puncak Penatapan</li> <li>• Penatapan Ini, Bukan Untuk dijual</li> </ul>	62 67
6.	Brastagi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Acara Lelong</li> <li>• Pasar Besar Bratagi,1</li> <li>• Naik Kuda,Bang</li> </ul>	75 77 81
7.	Danau Toba	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertemu Danau ini</li> <li>• Danau Berkirim Salam</li> </ul>	96 99
8.	Ufuk Barat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembaris Sejarah</li> </ul>	105

Jadual 1: Tajuk Puisi Pilihan

<b>BIL</b>	<b>ASPEK PUITIKA SASTERA MELAYU</b>
1.	Takrif dan Istilah
2.	Fungsi Karya Sastera
3.	Genre
4.	<b>Perkataan Yang Indah-Indah</b>
5.	Teks
6.	Memperbaharui Pengarang
7.	Yang Indah-Indah:Estetika Sastera Melayu
8.	Khalayak di Serambi Pentas

Jadual 2: Aspek Puitika Sastera Melayu

<b>BIL</b>	<b>CIRI KEINDAHAN</b>
1.	Dunia luas yang dipadatkan
2.	Mainan kiasan dan saranan
3.	Dunia berjodohan
4.	Muzik seiring kata

5.	Sama ukuran
6.	Sesuai dan patut

Jadual 3: Ciri keindahan puitika sastera Melayu

## 1.7 Kepentingan Kajian

Secara umumnya, kepentingan kajian adalah berperanan untuk mengemukakan kepada khalayak ramai berkaitan dapatan terbaharu yang diperoleh dari hasil penyelidikan. Pengkaji telah membahagikan kepentingan kajian ini kepada beberapa bahagian tiga bahagian iaitu individu, masyarakat, dan Negara.

### 1.7.1 Kepentingan kepada Individu

Kepentingan kajian kepada individu adalah dapat memahami gaya bahasa yang terdapat dalam kumpulan puisi *Matahari Itu Jauh* berdasarkan teori puitika sastera Melayu yang digagaskan oleh seorang sasterawan Negara iaitu Muhammad Haji Salleh. Selain itu, individu dapat meningkatkan keupayaan dalam menyusun kata-kata yang indah pada masa kini. Seterusnya, individu juga dapat meningkatkan daya pemikiran kreatif berdasarkan puisi-puisi Melayu. Menerusi kajian yang dilaksanakan, seseorang individu dapat menimba ilmu pengetahuan berkaitan gaya bahasa dan teori puitika sastera. Ilmu ini adalah sangat penting dalam dunia sastera kerana ia adalah sebagai rujukan untuk memastikan sesbuah karya puisi itu menepati keindahan berdasarkan teori puitika sastera atau sebaliknya.

### **1.7.2 Kepentingan kepada masyarakat**

Kepentingan kajian kepada masyarakat adalah dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kelebihan puisi yang mengandungi pelbagai makna tersurat dan tersirat yang mampu mendidik masyarakat untuk berfikiran positif. Selain itu, melalui kajian ini juga masyarakat dapat menggalakkan masyarakat mengkaji keindahan gaya bahasa yang terdapat dalam sesebuah puisi. Hal ini demikian kerana, dalam sesebuah puisi banyak terkandung perkataan yang indah dan mempunyai pelbagai maksud yang ingin disampaikan oleh pengarangnya. Dengan menganalisis sesebuah puisi masyarakat dapat belajar tentang nilai murni, adat dan pelbagai pengajaran yang boleh dijadikan ikhtibar dalam mendidik masyarakat yang harmoni. Masyarakat Melayu sememangnya terkenal dengan sopan santun yang baik. Oleh itu, masyarakat dapat memahami budaya serta perlakuan masyarakat Melayu dan menjadi contoh kepada Negara luar.

### **1.7.3 Kepentingan kepada Negara**

Kepentingan kajian ini kepada Negara adalah mewujudkan perkembangan yang baik dalam dunia sastera. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, sastera selalu dipandang serong kerana masyarakat menganggap sastera tidak boleh membawa penghasilan yang baik dalam dunia sastera. Menerusi kajian yang dilaksanakan akan dapat membuka mata mereka sastera ini harus dipelajari dan banyak membawa manfaat yang baik kepada Negara. Bidang sastera sememangnya dapat memberi impak positif kepada Negara disebabkan lahirnya sasterawan

Negara dan pengarang-pengarang yang dapat menghasilkan karya yang berkualiti seterusnya dapat meningkatkan pendapatan Negara.

### **1.8 Definisi Konsep**

Kajian ini menggunakan beberapa langkah untuk menggambarkan definisi berdasarkan tajuk kajian iaitu *Analisis Gaya Bahasa Dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh Berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu*. Berikut adalah definisi konsep untuk kajian ini:

#### **1.8.1 Puisi**

Menurut Za'ba ( 1965) puisi moden merupakan sebuah puisi atau "karangan berangkap" iaitu sebuah penulisan karangan yang disusun secara sekerat dan berkerat-kerat serta biasanya berjodoh bunyi dan rentak atau isi serta kebanyakan memakai timbangan dan sukatan tertentu. Antara ciri-ciri puisi moden adalah jumlah suku kata dan baris tidak terbatas, rimanya bebas, mempunyai bahasa yang indah dan lain-lain. Kajian ini adalah berfokus terhadap puisi moden iaitu sajak. Sajak merupakan karangan berangkap seperti pantun dan syair. Luarannya hampir sama dengan gurindam dan seloka namun berlainan pada isi dan rasa kesenian yang dipengaruhi oleh sifat-sifat tertentu.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) puisi adalah sebuah karya yang dihasilkan dalam pelbagai bentuk seperti sajak ,syair, pantun dan lain-lain. Puisi juga merupakan karya yang mengandungi rangkap yang terhad berdasarkan pembentukan yang tetap.

A.Halim Ali ( 2006) menjelaskan puisi adalah hasil kreativiti dalam kepengarangan penulisan yang membawa kepada hasil seni dalam karya puisi mekanisme demi menjaga dan mengekalkan adat yang dapat mendatang kesan keada aspek sahsiah, pengajaran, agama dan kepercayaan. Oleh hal yang demikian, puisi mempunyai peranannya yang tersendiri dan menjadi satu kaedah menterjemah dan menjadi lontaran pemikiran dalam panggunaan bahasa indah serta sarat dengan pengajaran yang ingin disampaikan kepada masyarakat.

### 1.8.2 Gaya Bahasa

Gaya boleh di definisikan sebagai pemilihan dan penggunaan kata atau daksi, pengulangan, irama dan sebagainya. Sejumlah daripada kata-kata ini adalah bersifat kanotatif kerana ianya mengandungi makna yang tersurat dan tersirat. Halliday dan Ruqaiya (1989) menyatakan bahasa adalah sebuah sistem lambang dan tanda dalam sesebuah masyarakat menerusi interaksi antara satu sama lain. Justeru,bahasa adalah sebuah sistem lambang bunyi yang diaplikasikan oleh sesebuah masyarakat untuk berinteraksi.

Gloys Keraf ( 1957) memberi penjelasan bahawa bahasa adalah sebuah alat komunikasi dalam sesebuah masyarakat. Hal ini demikian kerana, bahasa merupakan alat untuk penyampaian idea dan kaedah komunikasi dengan orang lain.

Menurut Keris Mas ( 1990), gaya bahasa adalah ragam bahasa yang diguna pakai dalam penulisan. Penggunaan bahasa mengandungi pelbagai jenis dan gaya bahasa yang tertentu. Za'ba ( 1965) Memberi definisi gaya bahasa adalah rupa susuk bahasa yang diguna ketika berinteraksi atau mengarang. Beliau juga menyatakan gaya bahasa adalah sebuah identiti untuk ciri-ciri peribadi seseorang penulis.

Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir ( 2005) telah menyatakan terdapat pelbagai gaya bahasa terdapat dalam sesebuah karya penulisan kreatif dan bukan kreatif iaitu boleh dikelompokkan. Lima jenis gaya bahasa adalah gaya bahasa pertentangan, gaya bahasa perbandingan, gaya bahasa pertautan dan gaya bahasa penyinaan. Penggunaan gaya bahasa yang digunakan dalam sesebuah novel adalah berbeza dengan prosa tradisional. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, prosa tradisional terikat dari segi format dan mempunyai identiti yang tersendiri berbeza dengan novel yang bersifat bebas dan tidak terikat. Kamus Dewan ( 2009) mendefinisikan gaya bahasa adalah cara peakaian bahasa. Antara gaya bahasanya adalah metafora, hiperbola, sinkof, anafora, paradoks dan lain-lain. Gaya bahasa sering digunakan dalam karya sastera seperti novel, sajak dan sebagainya. Robert P. Wareen dan Cleanth Brooks ( 1998) menjelaskan gaya bahasa adalah pemilihan dan penyusunan bahasa seseorang penulis.

## 1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, keindahan dalam sesebuah puisi terletak pada keindahan bahasa yang digambarkan dalam sesebuah puisi. Pemilihan kata-kata yang indah dalam sesebuah puisi dapat mencerminkan kebijaksanaan seseorang pengarang dalam menyusun perkataan yang tersusun dan kemas. Gaya bahasa juga memainkan peranan penting dalam penciptaan sesebuah puisi agar dapat menimbulkan keindahan dalam bait-bait ayat. Keindahan bahasa yang digunakan dalam sesebuah pantun dapat menarik para pendengar menghayati dan memahami maksud setiap bait ayat yang terdapat dalam sesebuah puisi. Teori Puitika sastera Melayu yang digagaskan oleh Haji Muhammad Salleh memfokuskan keindahan yang terdapat dalam puisi. *Kumpulan puisi Matahari Itu Jauh* karya Rosli K. Matari dipilih untuk kajian ini disebabkan pengkaji adalah salah seorang anak jati Kelantan dan ingin memartabatkan sastera bagi di negerinya sendiri. Pengkaji juga ingin menimba pelbagai ilmu pengetahuan dari sasterawan yang terdapat di Negeri Kelantan yang berpengalaman dan terkenal dari segi penulisannya. Kajian ini adalah bersifat umum dan menyeluruh dan boleh dijadikan sebagai rujukan pada masa akan datang. Kajian ini terbatas kepada aspek puisi dan teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tentang kajiam-kajian terdahulu yang telah dijalankan oleh sarjana tempatan atau pun luar mengenai puisi. Kajian lepas memfokuskan terhadap kajian artikel, penulisan buku dan pandangan tokoh atau individu berkaitan puisi. Selain itu, kajian lepas menekankan puitika sastera Melayu. Hasil daripada perbincangan kajian- kajian lepas hanya mengambil kajian yang relevan dan berkaitan dengan penyelidikan sahaja.

## 2.2 Kajian lepas mengenai Puisi

### 2.2.1 Tesis

Berdasarkan kajian oleh Herman Wijaya, Lalu Mas'ud dan Molh Irfan (2020) mengkaji puisi "*Fajar: Masa untuk Gagak Aya untukMeraikan*" melalui analisis linguistik dan struktur fizikal struktur dalaman. Tujuan kajian ini adalah untuk menerangkan struktur puisi secara fizikal dan dalaman. Ahmad Nasrullah: Analisis struktur dalaman dan fizikal puisi menjelaskan masa melalui kajian struktur dengan ayam jantan. Kajian ini menggunakan kaedah deskripsi kualitatif dan bersumberkan kamus yang mengandungi elemen struktur dalaman dan fizikal Mazmur Subuh: Waktu Diyayangan Kokok Ayam. Kajian ini menggunakan pendekatan pengumpulan data yang berdasarkan tinjauan literatur.

Kajian yang dijalankan oleh Farah Eka Rahmadini, Maryatin dan Ari Musdolifah (2018), Kajian Semiotika Terhadap Kumpulan Puisi Karya Mahasiswa Semester V Angkatan 2014 Program Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia .Kajian yang dijalankan mengenai pendekatan semiotik berdasarkan model *Ferdinand De Saussure*. Mengenalpasti tanda-tanda semiotik adalah objektif penyelidikan ini. Kajian ini mendapati puisi mempunyai bentuk makna yang membezakannya daripada penanda dan petanda. Pengkaji menganalisis penyelidikan melalui pembacaan dan menggunakan kaedah hermeneutik dan heuristik.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Shaidur Azam Kamaluddin, Arbai'e sujud (2017) bertajuk *Jati Diri Melayu dalam Koleksi Puisi Pilihan A. Aziz Deraman:*

*Analisis teori Pengkaedahan Melayu.* Dalam kajian ini, pengkaji meneroka unsur jati diri, antaranya khazanah negara yang mesti diperjuangkan untuk membentuk kesantunan, kecemerlangan intelek, budi pekerti, dan ketaatan, dan sifat-sifat kebangsaan yang melengkapi pelbagai aspek seperti agama, budaya, dan bahasa. watak. Ia telah wujud sejak dahulu lagi dan harus dipelihara. Kajian ini membincangkan tentang perlambangan masyarakat Melayu dalam kumpulan puisi Gelora Nurani dan Suara Gunung Kehidupan A. Aziz Deraman. Matlamat yang ingin dicapai oleh pengkaji ialah dapat mengenal pasti dan mendedahkan simbol dan perlambangan watak Melayu dalam kumpulan puisi A. Aziz Deraman. Kajian kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan mengisi bahan yang diberikan dalam teks dan kajian ini mengaplikasikan prinsip yang dibangunkan oleh Hasim Awang menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Hasil kajian pengkaji dapatlah merumuskan konsep perlambangan watak masyarakat Melayu. Ia tercermin dalam keperibadian setiap individu, termasuk tingkah laku, kriteria dan ciri sosiobudaya mereka.

### 2.2.2 Artikel Jurnal

Seterusnya, daripada kajian Saravanan P. Veeramthu (2018) bertajuk “Wanita Mengaplikasikan Kandungan dan Serpihan Malam”:

Laporan lapangan tentang pemandangan kehidupan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan mendalami koleksi puisi Shirley Idris yang berjaya mengetengahkan feminism melalui penerapan subjek terhadap karya yang dihasilkan oleh Shirley Idris. Dalam karya ini,

pendekatan psikologi digunakan untuk mengkaji unsur psikologi pengarang, unsur psikologi dalam karya, dan unsur mental pembaca, seperti yang dirumuskan oleh Ratna (2014). Kajian feminism dalam karya yang serupa dengan kajian puisi. Dalam kajian ini, penyelidik mengehadkan kertas kerja kepada Kumpulan Puisi Wanita Serpihan Malam (2016) oleh Shirley Idris, terbitan Persatuan Penulis Kopi Sasterawan Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tema feminis dalam kumpulan puisi Serpihan Malam karya Shirley Idris dan seterusnya menganalisis komponen psikologi pengarang dalam kumpulan puisi Serpihan Malam. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan analisis teks Puisi Wanita Serpihan Malam karya Shirley Idris (2016). Kajian ini turut mengaplikasikan psikopendidikan yang direalisasikan oleh Ratna (2014) berdasarkan komponen kejiwaan dalaman pengarang. Hasil daripada kajian ini, artikel ini memfokuskan kepada wanita bukan liberal sebagai golongan yang terperangkap dalam belenggu keadaan yang sukar diatasi. Daripada kajian ini, kita dapat melihat bahawa penulis berani menyelami kehidupan wanita di Tanasusira, dan kita dapat melihat kejayaan pembaca utama dalam memahami penggunaan metafora melalui subjek perahu, yang memerlukan banyak kesabaran. Ilmu tasawuf dan penggunaan bahasa aras tinggi juga ditekankan dalam pengajian lain dan boleh dicontohi oleh masyarakat. Antara wataknya ialah Shannon Ahmad, Usman Awan, S. Osman Kelantan dan beberapa penulis lain.

Menerusi jurnal “*Makna Dalam Puisi Terpilih Usman Awang*” daripada Nur Amirah Che Soh dan Rohaidah Kamaruddin telah mengkaji berkaitan makna yang meliputi semua maksud yang ingin disampaikan oleh penulis dan menghubungkaitkan situasi atau zaman sesebuah karya tersebut dihasilkan. Dalam kajian ini, pengkaji menjelaskan semantik adalah bidang kajian bahasa berkaitan makna yang meliputi pelbagai medium bahasa. Puisi Usman Awang adalah bukan sahaja mendasari makna malah wujud makna yang sebaliknya

yang ingin disampaikan oleh penulis secara halus. Hal ini dilihat berkait dengan huraian makna tidak hanya terbatas kepada bentuk leksikal malah konteks makna. Dalam kajian ini terdapat empat buah puisi dari Usman Awang iaitu *Ayah Belum Pulang, Pak Utih, Keranda 152* dan *Anjing Itu*. Oleh itu, dapat dilihat bahawa makna dapat menonjolkan sifat penulis serta zaman yang dipengaruhinya pada masa itu. Dalam hal ini dapat dirumuskan sesuatu perkataan memperoleh makna berdasarkan situasi dan perihal keadaan yang wujud semasa perkataan ini digunakan. Seterusnya, penggunaan kata dalam puisi Usman Awang dapat menonjolkan makna sesuatu perkataan itu tidak khusus. Hal ini demikian kerana, dalam persektif sintesis terdapat kelemahan serta kekuatan dan ini dilihat dalam sebuah kajian literatur daripada Nur Amirah Che Soh dan Rohaidah Kamaruddin ( 2016) dalam sebuah jurnal yang bertajuk “ *Makna Dalam Puisi Terpilih Usman Awang*” berbanding dengan kajian yang telah dihasilkan oleh pengkaji iaitu *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang Kajian Daripada Teori Semiotik*. Kekuatan kajian literatur ini berbanding penelitian *kajian pengkaji adalah mempunyai lebih banyak teks dari Usman Awang iaitu empat teks seperti Ayah Belum Pulang, Pak Utih, Keranda 152 dan Anjing Itu* manakala kajian yang telah dihasilkan pengkaji hanya mempunyai penelusuran terhadap dua teks dari puisi Usman Awang seperti ‘ *Ke Makam Bonda Dan Jiwa Hamba*’. Kelemahan dalam kajian literatur ini berbanding kajian yang dihasilkan pengkaji adalah mempunyai dua orang peneliti menerusi kajian ini iaitu Nur Amirah Che Soh dan Rohaidah kamaruddin manakala dalam penghasilan penulisan pengkaji hanya melibatkan seorang penulis sahaja.

### 2.2.3 Lain-lain

Seterusnya, dalam kajian yang dijalankan oleh Rohayati binti Junaidi tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali, Madiawati binti Mamat @ Mustafa ( 2017) yang bertajuk Kumpulan Puisi mencari Makna Diri menerusi Pengaplikasian prinsip stilistik oleh JJ Webber. Kajian ini adalah berkaitan kesantunan bahasa dalam kepenggarangan karya sastera menerusi Kumpulan Puisi Mncari Makna Diri karya Awang Sariyan (2012). Kajian ini berobjektif untuk mengenalpasti gaya stilistik yang terdapat di dalam penghasilan kepenggarangan karya dan menyingkap dengan melakukan analisis karya menggunakan prinsip stilistik JJ Webber ( 1989) .Makalah ini membataskan kumpulan Puisi Mencari Makna Diri sebagai puisi pilihan berdasarkan kajian yang dijalankan.. Kajian ini dijalankan berdasarkan inisiatif perolehan maklumat kepustakaan dan penelitian merusi teknik analisis teks. Teori yang diterapkan dalam kajian ini berdasarkan teori StilistikOleh JJ Webber . Oleh itu, dapat dirumuskan kajian ini dapat memperlihatkan keenam-enam prinsip yang bertepatan serta dapat menimbulkan kesantunan cara penciptaan karya sastera yang memperlihatkan unsur bahasa Melayu. Masyarakat yang beragama islam adalah cerminan diri pengarang yang dapat membangkitkan refleksi pembaca.

## 2.3 Kajian lepas mengenai gaya bahasa

### 2.3.1 Tesis

Menerusi kajian yang dijalankan oleh Nur Syamsiyah dan Farida Yufarlina ( 2020) yang bertajuk *penggunaan gaya bahasa dalam Kumpulan Puisi “ Dear You”* karya Moammar Emka. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti kaedah yang digunakan dari aspek gaya bahasa dalam koleksi puisi “ Dear You” karya Moammar Emka yang telah diterbitkan pada tahun 2011. Kaedah kajian yang digunakan adalah deskritif kualitatif. Pengumpulan data telah dibuat menggunakan teknik analisis kandungan yang terdapat dalam teks tersebut. Hasil dari kajian ini, pengkaji mendapati penerapan gaya bahasa dan nilai pendidikan pada watak dalam koleksi puisi “ Dear You” oleh Moammar Emka mengandungi jenis gaya bahasa perumpamaan, keperibadian, kiasan, hiperbola, aliterasi, penyamaran, sinkof, dan asonansi. Oleh itu, gaya bahasa yang kerap digunakan adalah berbentuk gaya bahasa jenis kiasan.

Menerusi kajian berkaitan *Kesepaduan Stail dengan Perutusan dalam sajak-sajak terpilih* lima penyair Sabah yang telah dijalankan oleh A. Halim Ali (2020) yang bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kesepaduan stail dalam perutusan sajak-sajak terpilih. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kepustakaan dengan penggunaan kaedah analisis kandungan dan deskritif. Abdul Halim Ali ( 2010) menyatakan berkaitan prinsip kesepaduan dan perkaitan dalam Teori Estetika Bersepadu adalah

menerusi perbincangan dan analisis. Dalam kajian ini telah terbukti bahawa unsur gaya bahasa dihadirkan secara sedar oleh penyair yang mempunyai tujuan khusus dalam menyampaikan pemikirannya berkaitan kebesaran Tuhan, kecaknaan sesama manusia, mengenal hakikat diri, dan juga kehebatan cinta terhadap Tuhan.

Menerusi sebuah kajian yang bertajuk *Unsur Metafora Dalam Puisi Lisan Tradisional Kadazandusu* ( 2019) oleh Norjieta Julita Binti Taisin yang telah dijalankan untuk meneliti unsur metafora yang terdapat dalam puisi lisan Kadazandusun yang selari dengan aliran metafora yang telah dipelopori oleh Lakoff dan Johnson. Kajian ini menggunakan data-data genre puisi lisan tradisional Kadazandusun dengan menggunakan kaedah kualitatif. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data dan analisis data menerusi temubual dan pemerhatian. Oleh itu, hasil kajian ini adalah penggunaan bahasa yang terdapat dalam puisi tradisional mengandungi pelbagai makna tersurat dan tersirat serta unsur metafora.

Menerusi kajian Azaha Bin Ibrahim ( 2016), penelitian terhadap *analisis Gaya Kebahasaan ( Majas)*, dekripsi diksi dan pesan yang disampaikan melalui Puisi “ Padamu Jua” karya Amir Hamzah. Penelitian ini adalah berdasarkan sumber data dari puisi Amir Hamzah yang berjudul “ Padamu Jua yang telah diterbitkan pada November 1937”. Penelitian ini menggunakan deskritif dengan bentuk penelitian kualitatif. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori Stilistika dengan menggunakan pendekatan Stilistika. Penulis menggunakan teknik analisis dokumen dan pengumpulan data dokumentasi. Penelitian ini adalah berfokus kepada Gaya Kebahasaan (Majas), diksi dan penemuan makna yang terdapat dalam puisi “ Padamu Jua” karya Amir Hamzah. Hasil daripada penelitian ini adalah Gaya Kebahasaan yang digunakan dalam puisi “ Padamu

Jua” karya Amir Hamzah adalah terdapat penggunaan Majas Alegori dan diksi Sinonimi. Puisi ini dapat memberi makna religitas. Oleh itu, penggunaan bentuk kata pada puisi ini menarik untuk dikaji. Hal ini demikian kerana, karya puisi “ Padamu Jua” karya Amir Hamzah mempunyai sedikit perbezaan dengan objektif kajian pengkaji yang menganalisis penerimaan masyarakat masa kini terhadap gaya bahasa dalam pantun melayu.

Menerusi kajian yang telah dijalankan oleh Ann Muhammady ( 2014) yang berjudul *Penggunaan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Bidang kajian: Linguistik* telah dilaksanakan bagi mengkaji kategori gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang wujud dalam kalangan pelajar sekolah Menengah Agama Nuruk Huda ( SMANH). Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan gaya bahasa sapaan Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah Agama. Selain itu, kajian ini juga adalah bertujuan mengkaji faktor kelemahan pelajar terhadap penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar ( SMANH). Hasil dapata kajian menunjukkan terdapat lapan aspek gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang wujud dalam buku *al-arabiyyatu baina yadaik*, buku *ta’li: al-lughat al-‘arabiyyat fasl(xl)* dan juga dalam buku nota tambahan para pelajar. Lapan aspek ini adalah terdiri daripada empat kategori umum dan empat kategori sapaan bertujuan.

Menerusi kajian Mohammad Zulfadhi (2012) yang telah membuat satu kajian berkaitan *gaya bahasa melalui lirik lagu Band Betrayer Album the Best Of* yang bertujuan untuk memberi gambaran, mengesan dan penerangkan berkaitan fungsi kepelbagaiannya gaya bahasa yang terdapat dalam beberapa lirik lagu berdasarkan album yang terpilih. Hasil daripada kajian ini menunjukkan beberapa gaya bahasa hiperboleh, personifikasi, anafora dan ironi telah diterapkan dalam penyampaian lagu yang bertujuan untuk menegaskan ,

menggambarkan nilai estetik bagi memudahkan pendengar memahami maksud lagu yang ingin disampaikan. Kajian ini seterusnya telah ditangani oleh Gunawan Wiradharman & Afdol Tharik Ws (2016) yang telah membuat satu kajian ke atas beberapa buah lagu genre dangdut yang mengandungi gaya bahasa metafora untuk memudahkan pengungkapan realiti sosial yang berlaku di dalam kalangan masyarakat. Analis ini dijalankan dengan menggunakan makna metafora ( Knowles dan Moon, 2006) dan teori Metafora Konseptual ( Lakoff dan Johnson, 1980) serta Semantik Kognitif ( Evans dan Green, 2006) yang telah diaplikasi untuk pengungkapan makna metafora dan lirik lagu dangdut. Hasilnya, pengkaji mendapati ungkapan kata, angka dan frasa metafora berlaku kerana adanya konsep, fungsi dan sifat bentuk yang sama yang dialihkan makna secara konkret . Realiti sosial juga diungkapkan dalam lirik lagi dangdut yang meliputi imaginasi pornografi, ungkapan perilaku dan perilaku seseorang.

### **2.3.2 Artikel Jurnal**

Menerusi kajian yang dihasilkan oleh Siti Fatimah Radzi dan Harun Baharudin ( 2019) yang bertajuk *Kontrasif Tasybih Dan Istia'rah Dengan Simile Dan Metafora*. Kajian ini telah dilaksanakan bertujuan untuk mengenalpasti persamaan dan perbezaam gaya bahasa tasybih dan simile. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti persamaan dan perbezaan gaya bahasa kiasan istiarah dan tasybih dengan metafora. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis konstrasif untuk mengenalpasti persamaan dan perbezaan gaya bahasa kiasan ini. Hal ini demikian, kerana gaya bahasa

kiasan bahasa Arab dan bahasa Melayu memainkan peranan penting dan perlu dipelajari kerana keduaduanya mengandungi kekayaan bahasanya yang tersendiri. Hasil daripada kajian ini adalah tidak banyak perbezaan dalam membuat perbandingan atau perumpamaan dalam sesebuah ayat. Bagi gaya bahasa metafora pula, adalah satu peminjaman makna asal sesuatu perkataan yang membentuk makna baru dalam sesebuah ayat.

Menerusi jurnal Melayu yang berjudul *Unsur Bahasa Kiasan Metafora Dalam Sampi Iban oleh Saripah Banseng et al ( 2017)* yang menganalisis unsur-unsur yang membentuk bahasa kiasan yang terdapat dalam mantera Perhuman ( sampi umai) masyarakat Iban. Dua buah sampi perhumaan diperolehi dari buku Sampi Enggau Biau telah dipilih untuk menjalankan kajian yang menggunakan kaedah kualitatif dan deskritif. Hasil dapatan kajian ini adalah menunjukkan kiasan metafora yang terdapat dalam sampi adalah merangkumi unsur alam seperti flora, fauna dan manusia juga sesuai digunakan. Kajian ini menggunakan teori Linguistik Kognitif yang telah diperkenalkan pada tahun 1980 oleh Lakoff dan Johnson. Teori ini adalah berkaitan bahasa merupakan satu lambang kerana setiap bahasa mengandungi pelbagai makna dan unsur-unsurnya. Kajian ini dapat membimbing generasi muda untuk memahami unsur-unsur yang dapat membina atau membentuk bahasa kiasan metafora. Oleh itu, hasil kajian ini menunjukkan penggunaan yang melibatkan unsur alam seperti flora dan fauna serta bukan unsur alam seperti manusia dalam bahasa kiasan metafora dapat meningkatkan kemahiran bahasa dan pelbagai ilmu pengetahuan.

Dalam kajian Mohammad Yazi Bin Kerya , Fatahiyah Binti Mohd Ishak dan Wan Roslina Binti Wan Ismail ( 2015) yang telah menjalankan sebuah kajian yang bertajuk *Gaya Bahasa Dalam Teater Tradisional Mek Mulung*. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menganalisis gaya bahasa yang digunakan dalam dialog dan lagu yang akan dipersembahkan dalam teater Mek Mulung. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif dan kuantitatif iaitu berdasarkan temu bual ketua kumpulan Mek Mulung dan melalui rujukan kepustakaan. Selain itu, pengkaji juga turun padang untuk menonton persembahan teater Mek Mulung agar dapat mempelajari dan memahami teater ini dengan lebih mendalam. Gaya bahasa yang terdapat dalam teater ini dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti anafora,repitisi, epifora dan lain-lain. Hasil daripada kajian ini mendapati terdapat beberapa gaya bahasa yang telah dapat dikenal pasti melalui skrip cerita Putera Cahaya Bulan iaitu di dalam teater Mek Mulung tetapi telah didominasi dan dibahagi kepada dua bahagian iaitu gaya bahasa dialog dan gaya bahasa yang terdapat dalam lagu.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.4 Kajian lepas mengenai teori Puitika Sastera Melayu

### 2.4.1 Tesis

Menerusi kajian yang telah dijalankan oleh Kartini Anwar ( 2017) yang berjudul *Tradisi Sastera Johor- Riau: Suatu Kajian Terhadap Syair Sejarah* pengkaji telah memilih enam buah syair untuk dijadikan rujukan dan bahan kajian. Enam syair ini adalah Syair Perang Johor, Syair Sultan Mahmud di Lingga, Syair Kisah Engku Puteri, Syair Pangeran Syarif Hashim dan Syair Perjalanan Sultan Lingga, Syair Perkahwinan Tik Sing dan YTM Riau. Karya syair ini telah dihasilkan di Riau pada tahun 1844 hingga 1893. Untuk melengkapi kajian ini sebuah kerangka konsep Puitika Sastera Melayu telah dirujuk dan dijadikan sebagai panduan untuk perbincangan. Kajian ini adalah berdasarkan sejarah atau kajian lepas dengan adanya kuasa penjajahan kolonial. Menerusi kajian ini konsep pengarang, teks, latar dan khalayak telah diguna sepenuhnya. Hal ini secara tidak langsung telah menonjolkan kebijaksanaan pengarang dan mengenal pasti semangat ini dapat dimanifestasi dengan peristiwa lepas berdasarkan syair. Oleh itu, kajian ini adalah berfokuskan kepada fungsi sejarah dari pelbagai aspek keindahan dan analisis dari aspek hermeneutik.

Menerusi kajian yang dijalankan oleh Eizah Mat Hussain ( 2016) yang bertajuk *Simbol Makna dalam Pantun Melayu Bingkasan Permata* telah mengaplikasi pendekatan puitika sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh Yang Indah- Indah: Estetika sastera Melayu adalah prinsip yang ingin dikaji oleh pengkaji bagi menyingkap pantun dari simbol dan makna yang diungkap dalam sesebuah pantun. Menerusi prinsip ini terdapat tiga sub-prinsip iaitu dunia luas yang dipadatkan, kiasan dan saranan dan dunia

berjodoh yang memperlihatkan keindahan dalam sesebuah pantun. Ada sesetengah pantun yang sukar difahami tentang maksud yang ingin disampaikan oleh penulis dan mengakibatkan kekaburuan dalam memahami simbol dan makna. Simbol yang dominan digunakan dalam sesebuah pantun adalah simbol flora dan fauna yang mempunyai makna yang berlapis-lapis dan perlu ditafsir dengan cukup teliti. Hasil daripada kajian ini adalah pendekatan puitika sastera Melayu bersesuaian untuk diaplikasikan bagi mengungkap keindahan sesebuah pantun Melayu berdasarkan pandangan orang Melayu sendiri dalam memahami simbol dan makna yang diungkapkan dalam sesebuah pantun.

Menerusi kajian Efrizal A.S ( 2012) yang bertajuk *Kajian Estetika dalam Cerita Rakyat Melayu Kuantan Riau, Indonesia* menggunakan teori puitika Sastera Melayu dalam sebuah tesisnya di Universiti Malaya. Dalam kajian ini pengkaji menggabungkan beberapa aspek teori puitika sastera Melayu dengan gabungan pendekatan yang telah digagaskan oleh Braginsky ( 1998) dan melalui pandangan sidi Gazalba ( 2002). Fokus utama dalam kajian ini aspek estetik sosial-budaya masyarakat. Penemuan estetika dari aspek fungsi cerita, analisis khalayak dan analisis kata-kata yang indah. Pengkaji juga mengaplikasikan prinsip puitika sastera Melayu iaitu Khalayak di Serambi Pentas. Namun begitu, teori puitika sastera Melayu ini dikatakan sama dengan teori sosiologi sastera.

#### 2.4.2 Artikel Jurnal

Menerusi kajian yang dijalankan oleh Pui Wen Han ( 2020) yang berjudul *Analisis Pemikiran Melayu Dalam Pantun Kanak-Kanak Berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu* yang berfokus kepada enam prinsip keindahan pantun berdasarkan teori ini iaitu dunia luas yang dipadatkan, kiasan dan saranan, dunia yang berjodoh, sama ukuran danimbangan, muzik seiring kata, dan sesuai dan patut. Prinsip pertama iaitu dunia luas yang dipadatkan bermaksud pantun mengandungi dunia luas yang dipadatkan dalam empat baris sahaja. Kedua, kiasan dan saranan bermaksud dalam sesebuah pantun adanya pembayang yang diibaratkan kulit dan saranan pula ibarat isi. Saranan ditonjolkan oleh gambaran alam yang nian indah dalam pembayang . Ketiga, dunia yang berjodoh telah dinyatakan oleh Mihammad ( 2020) adalah orang Melayu memiliki dua buah dunia yang akrab dalam pantun iaitu dunia luarnya : alam, dan dunia dalamnya : fikiran dan perasaan manusia ( Hashim, 2019). Keempat, sama ukuran dan imbalan telah dinyatakan oleh Hashim ( 2019) adalah suku kata yang sama antara baris pertama dengan baris yang ketiga dan antara baris kedua dan keempat akan membentuk keharmonian dan prinsip sama ukuran. Kelima, muzik seiring kata adalah sebuah jalinan lokal atau konsonan yang menghasilkan bunyi gema dan bersahut sahutan seperti orkestera yang canggih. Akhir sekali adalah sesuai dan patut adalah penceritaan sastera Melayu mestilah padat, sesuai dan sederhana iaitu tidak boleh terlalu singkat sehingga tidak sampai maksudnya atau terlalu panjang sehingga hanyut. Oleh itu, pantun Melayu adalah sebuah simbol yang mendasari jiwa orang Melayu yan sebenar.

Menerusi kajian Hashim Ismail ( 2019) yang berjudul *Teori Puitika Sastera Melayu: Interpretasi dan Praktikaliti* yang menilai sebuah teori tempatan yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh ( 1989). Terdapat ciri-ciri tertentu yang boleh diteroka melalui teori puitika sastera Melayu yang boleh diterap dalam analisis penghasilan karya berdasarkan kebijaksanaan tempatan. Mana Sikana ( 2017: 25-3) menyatakan teori puitika sastera Melayu ini adalah teori sastera tempatan pertama yang cukup lengkap dan dibincangkan secara serius. Teori puitika sastera ini adalah sebuah kesimpulan daripada hasil kepengarangan sastera tradisi Melayu dan yang mengutarakan tanggapan bahawa telah mencapai kononnya dan mengandungi ciri sastera yang boleh diteorikan ( Mana Sikana 2008:27-29). Teori puitika sastera Melayu telah dinilai melalui kajian tesis dan penulisan kajian bagi melihat kesesuaian serta kekatan dan kelebihannya. Hasil daripada kajian ini, puitika sastera Melayu hanya bersandarkan keindahan dari aspek horizontal dan teori ini tidak menekankan aspek ketuhanan.

Menerusi kajian yang dijalankan oleh Abdul Halim Ali yang berjudul *Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional* telah menggunakan teori puitika sastera Melayu yang telah digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh dan idea estetika dari I.V. Braginsky dalam menyingkap erti keindahan dalam kedusasteraan Melayu tradisional. Dalam kajian ini dapat dilihat ada perbezaan ketara antara dua tokoh ini dalam memberi konsepsi berkaitan keindahan dalam kesusasteraan tradisional. Hal ini demikian kerana perbezaan pendekatan yang digunakan iaitu Muhammad Haji Salleh menyentuh makna keindahan namun tidak bersandarkan sokongan sumber agama islam manakala I.V.

Branginsky bersandarkan idea structural Yury Tynyanov yang lebih menekankan aspek deskripsi textual yang dihubungkan sokongan yang bersumberkan islam. Muhammad Haji Salleh menyatakan keindahan dalam sesebuah pantun seakan memberi gambaran awal terhadap konsep dan makna estetika sastera Melayu tradisional. Muhammad Haji Salleh (2000:265) juga menyatakan hanya karya yang membawa ilmu dan pengajaran dianggap mempunyai keindahan dan karya yang tidak mencapai tujuan tersebut sememangnya tidak menepati puncak keindahan dalam penghasilan karya sastera. Pandangan kedua-dua tokoh ini mendapat terdapat tiga asas-asas yang dominan iaitu warisan Melayu, textual teks dan unsur islam yang mempengaruhi dan memancarkan keindahan dalam kessasteraan Melayu.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini adalah bertujuan untuk kajian-kajian lepas berdasarkan topik kajian yang pernah dihasilkan oleh pengkaji sebelum ini. Oleh sebab itu, sorotan kajian harus berkaitan dengan topik yang ingin dikaji agar dapat membantu memberi maklumat dan gambaran agar dapat menghasilkan sebuah kajian yang kukuh dan berkualiti. Kajian-kajian lepas banyak membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat dan hasil kajian dengan pandangan daripada pengkaji yang lebih berpengetahuan dan berpengalaman. Hasil daripada kajian lepas juga banyak membantu pengkaji baru dalam memahami setiap hasil kajian yang telah dilaksanakan dan memastikan hasil kajian yang dihasilkan dapat memberi maklumat kepada pengkaji baru lain dalam mengkaji topik berkaitan . Seterusnya, sorotan kajian ini adalah satu panduan dan rujukan kepada pengkaji dalam menyiapkan kajian dengan baik serta disokong dengan pemilihan teori yang tepat. Pemilihan sorotan kajian adalah menepati tajuk kajian yang dikaji. Soroton kajian merupakan sebuah kerangka kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pendahuluan

Metodologi adalah sebuah kerangka kajian yang meliputi kaedah kajian untuk mendapatkan analisis. Kerangka ini bertujuan untuk memastikan kajian yang dijalankan adalah berada pada landasan yang benar. Menurut *Kamus Dewan* (2007) metodologi didefinisikan sebagai sebuah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan. Metodologi adalah ilmu berkaitan kaedah atau disiplin yang digunakan untuk melakukan sesebuah kajian dalam mencapai sesuatu matlamat dan tujuan. Othman Mohamed (2001) menyatakan metodologi ini adalah sebuah tatacara yang teratur melibatkan penyesuaian pendekatan yang digunakan dan analisis data seiring dengan penetapan tertentu untuk menjamin kualiti kajian penyelidikan dapat direakrisasi dengan jayanya. Metodologi ini adalah untuk menerangkan bagaimana sesuatu masalah diteliti dan mengapa kaedah tertentu digunakan untuk mendapatkan sesebuah kajian yang berguna.

Tujuannya adalah untuk pemahaman yang lebih terperinci dalam pengaplikasian sesebuah kaedah dengan penerangan proses kajian yang dijalankan.

Prof. Dr Suryana, M Si ( 2010) dalam bukunya yang berjudul *Metodologi Penelitian , Model praktis penelitian Kuantitatif dan Kualitatif* menerangkan kaedah penyelidikan atau kaedah saintifik adalah sebuah prosedur atau langkah sebuah pengetahuan atau pengetahuan saintifik diperoleh. Justeru, kaedah penyelidikan adalah sebuah kaedah untuk menyusun pengetahuan secara sistematik manakala teknik penyelidikan adalah sebuah kaedah dalam pelaksanaan kaedah kajian. Kaedah penyelidikan ini biasanya merujuk kepada bentuk yang dipilih untuk menjalankan sesebuah penyelidikan. Beliau juga membuat penegasan terdapat empat jenis kaedah penyelidikan yang bergantung kepada bentuk penyelidikan , tujuan, sifat masalah dan kaedah pendekatan.

Selain itu, kaedah deskritif adalah kaedah penyelidikan yang bergantung kepada tujuan, bentuk penyelidikan, sifat masalah dan kaedah pendekatan. Kaedah deskritif digunakan untuk mengenalpasti ciri, unsur dan sifat sesebuah fenomena. Kaedah dekritif diawali dengan pengumpulan data, analisis dan tafsiran. Kaedah dekritif pelaksanaan ini berfungsi untuk menjalankan kaedah penyelidikan, tinjauan, kajian kes, kajian masa dan gerakan, kajian perbandingan, analisis tingkah laku dan juga analisis dokumentasi.

Bab ini akan membincangkan dan memperincikan gambaran secara terperinci tentang kajian yang akan dilaksanakan. Bab ini adalah bahagian metodologi kajian yang berkaitan pengumpulan data-data mengenai kajian yang dikaji. Menerusi kajian ini, pengkaji menjalankan kajian secara sistematik mengikut panduan yang telah ditetapkan dalam menjayakan kajian ini. Maklumat yang diperoleh menerusi teks pilihan akan

digabungkan dengan menggunakan teori yang dipilih untuk mengukuhkan kajian ini. Selain itu, pengkaji juga akan menjelaskan data-data sekunder yang diperoleh menerusi kepustakaan dan laporan kajian lepas berkaitan kajian ini. Penelitian terhadap kajian lepas akan memberikan contoh dan sebagai panduan kepada pengkaji untuk mengukuhkan kajian ini. Menerusi bab ini pengkaji akan membincangkan berkaitan metodologi yang digunakan dalam pelaksanaan kajian iaitu Analisis Gaya Bahasa Dalam Kumpulan Puisi *Matahari Itu Jauh* berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu.

### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Menurut Kerlinger (1990) reka bentuk kajian adalah sebuah prosedur perkembangan maklumat kajian yang digarap menerusi pembentukan perancangan kajian yang terarah terhadap konsep pembentukan hubungan antara hal-hal yang terlibat dalam sesuatu kajian. Reka bentuk kajian adalah sebuah prosedur pemprosesan data yang dikumpul berdasarkan rancangan konsep yang konkret dan sistematik yang membentuk rangkaian hubungan antara boleh ubah yang terlibat. Dalam bahagian ini akan menerangkan berkaitan kaedah yang diaplikasikan penyelidik semasa menjalankan sebuah penyelidikan. Menerusi kajian ini penyelidik tertumpu kepada reka bentuk kajian, persampelan, prosedur pengumpulan data dan prosedur analisis data.

Kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah bersifat deskriptif. Reka bentuk kajian adalah berdasarkan pengumpulan data yang dikumpul melalui rekabentuk kualitatif. Rekabentuk kualitatif diterapkan oleh pengkaji dari analisis kandungan *Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh* untuk mengkaji gaya bahasa yang terdapat menerusi teks ini. Bertitik

tolak dari itu, rekabentuk kajian yang diterapkan dalam kajian ini adalah berdasarkan kaedah kepustakaan, kaedah teks, kaedah pengumpulan data dan juga kaedah internet serta pengaplikasian teori menerusi kajian yang dilaksanakan.

### 3.1.1 Dokumentasi

Kaedah dokumentasi adalah sebuah pendekatan penyelidikan yang berkaitan dengan penggunaan dan analisis dokumen sebagai sumber data. Dokumen adalah sebuah bahan bertulis atau bahan lain yang dapat memberi maklumat yang relevan untuk menyokong sesebuah kajian. Menerusi kajian ini, pengkaji menjelaskan beberapa kaedah dokumentasi iaitu pengumpulan dokumen, penyelidikan dokumen, verifikasi dan kebolehpercayaan dokumen, dan analisis dokumen. Kaedah dokumentasi dapat membantu pengkaji mengakses maklumat-maklumat sejarah atau data masa lalu. Kaedah ini juga membolehkan pengkaji dapat mengumpulkan data yang luas. Kelebihannya adalah dapat mengumpulkan data yang tidak mudah diperoleh melalui kaedah lain dan termasuk dalam rekod yang objektif. Walaupun demikian, terdapat juga kelemahan yang seharusnya dipertimbangkan kerana data yang diperoleh melalui pendekatan ini disebabkan keaslian dan kebolehpercayaan kadangkala diragui. Pengkaji perlu membuat verifikasi sumber, menilai keaslian dokumen, dan memperhati subjektif dalam sesebuah analisis.

### 3.2 Cara Pengumpulan Data

Cara pengumpulan data adalah sebuah proses yang digunakan untuk pengumpulan maklumat yang relevan dalam sesebuah penyelidikan. Menerusi pengumpulan data, pengkaji memilih kaedah yang bersesuaian untuk mengumpulkan maklumat atau data-data kajian yang diperlukan. Kaedah ini boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk seperti pemerhatian secara langsung, soal selidik, analisis dokumen, pengumpulan data sekunder, temubual dengan responden, eksperimen. Setiap kaedah yang dilaksanakan mempunyai ciri dan kelebihan yang berlainan. Melalui pemerhatian, pengkaji dapat mengawasi tingkah laku secara langsung dan temubual pula adalah pengkaji dapat berinteraksi secara langsung dengan responden. Soal selidik pula membolehkan pengkaji mengumpulkan data yang luas manakala analisis dokumen pengkaji akan meneliti dan mengkaji data-data yang sedia ada. Pengumpulan data sekunder adalah pengkaji menggunakan data yang sedia ada yang telah dikaji dan dikumpul oleh pihak lain sebelum ini. Seterusnya, melalui eksperimen pengkaji dapat mencipta sebuah situasi yang terkawal yang membolehkan pemerhatian dilakukan keatas kesan perubahan dari pembolehubah yang tertentu. Oleh hal yang demikin, terdapat teknik pengukuran khusus dilakukan bagi mendapatkan data-data.

Menerusi kajian ini, pengkaji menggunakan data primer iaitu dari kaedah temu bual. Temu bual ini akan dilakukan bersama penulis karya *Matahari Itu Jauh* untuk menjayakan objektif kajian. Data sekunder juga digunakan sebagai rujukan untuk menjawab persoalan dan objektif kajian. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah intenet. Kaedah kepustakaan adalah berdasarkan pencarian maklumat di perpustakaan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan dan mendapat maklumat yang sahih dan relevan.

### 3.2.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan juga dikenali sebagai tinjauan literatur adalah sebuah proses mengumpul, menilai dan mensintesis berdasarkan sumber yang relevan berdasarkan kajian tertentu. Kaedah kepustakaan adalah salah satu sumber penting untuk pengkaji memperolehi maklumat tambahan untuk mencapai objektif kajian ini. Kaedah kepustakaan adalah hasil kajian yang diperoleh berdasarkan bahan bercetak seperti dokumen, buku-buku, rujukan dan sebagainya. Kaedah kepustakaan diawali dengan mengenal pasti sumber literatur yang berkait dengan kajian yang dijalankan. Sumber yang dikaji termasuklah jurnal, tesis,buku , laporan penyelidikan, kertas persidangan serta sumber lain yang diiktiraf. Langkah seterusnya adalah untuk menilai kualiti dan perkaitan setiap sumber yang telah dikenalpasti. Penilaian ini melibatkan metodologi kajian yang digunakan, kesahan dan kebolehpercayaan data, perpustakaan serta sumber internet untuk mencari literatur yang berkaitan. Seterusnya, pengkaji akan mensintesis dan menggabungkan maklumat yang diperoleh daripada sumber kepustakaan yang berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan. Hal ini demikian dapat memberi pemahaman secara menyeluruh serta mendapat pandangan baharu berkaitan kajian yang dilaksanakan ini.

Kaedah kepustakaan ini dapat memberi pemahaman dan maklumat terhadap literatur mengenai kajian yang dilaksanakan. Hai ini demikian, kerana kajian ini dapat membantu pengkaji dalam membuat persoalan kajian, membuat reka bentuk metodologi yang sesuai serta dapat mengenalpasti sumbangan baik kepada bidang penyelidikan. Kajian ini juga adalah penting kerana dapat menyokong kajian berdasarkan konteks akademik.

Menerusi kajian ini pengkaji telah membuat penelitian terhadap kajian-kajian yang terdahulu yang berkaitan dengan kajian ini. Oleh itu, pengkajin telah memilih Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan Kampus Bachok sebagai sumber pencarian maklumat untuk kajian yang dijalankan ini. Untuk mendapatkan maklumat melalui tesis, jurnal, artikel dan buku berkaitan kajian ini.

### 3.2.2 Kaedah Internet

Menerusi kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pemerolehan data melalui internet bagi membantu mendapatkan maklumat berkaitan kajian yang dilaksanakan. Hal ini demikian, adalah bertujuan mendapatkan maklumat berkenaan topik yang dikaji. Maklumat yang diperoleh adalah sebagai pengukuhan dalam sesebuah kajian bagi menyokong kajian yang dilaksanakan. Pengkaji menggunakan beberapa laman sesawang seperti Goggle Scholar, UMK Repository (Discol), My Thesis Online (MyTo) dan Academia.edu untuk memperoleh maklumat berkaitan kajian ini.

### 3.2.3 Kaedah Analisis Dokumen

Kaedah analisis dokumen dilaksanakan untuk mengumpul, menilai, serta mentafsir maklumat yang terkandung dalam sesebuah teks bertulis atan dokumen yang relevan berdasarkan kajian yang dilaksanakan. Melalui kaedah analisis dokumen pengkaji dapat memperoleh pemahaman berkaitan topik penyelidikan, mengenal pasti corak, tema yang terdapat dalam dokumen serta dapat menelaah persektif yang berbeza yang terdapat dalam

sesebuah teks kajian. Analisis dokumen boleh dijalankan berdasarkan dua kaedah iaitu kuantitatif dan kualitatif berdasarkan pendekatan kajian yang digunakan dalam sesebuah kajian.

Kaedah analisis dokumen sangat penting untuk dijalankan kerana dapat mengkaji berkaitan tajuk-tajuk kajian yang telah dilakukan. Berdasarkan kajian ini, analisis dokumen ini dijalankan berdasarkan pembacaan dari *Kumpulan Puisi Matahari itu Jauh* secara menyeluruh. Menerusi kajian ini, pengkaji dapat mengenal pasti gaya bahasa dan pemikiran yang digunakan oleh pengarangnya iaitu Encik Rosli K. Matari . Kaedah analisis teks ini adalah sebuah teknik yang menjadi medium utama bagi pengkaji mendapatkan maklumat mengenai gaya bahasa dan pemikiran yang terdapat dalam teks. *Kumpulan Puisi Matahari Itu jauh* adalah salah satu karya terbitan dari Sasterawan Negeri Kelantan yang dikenali sebagai Encik Rosli K. Matari . *Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh* ini mengandungi 127 halaman bercetak dan diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (ITBM) dan telah diterbitkan pada tahun 2015. Dalam pada itu, kajian ini mengaplikasikan teori Puitika Sastera Melayu bagi menjadikan kajian ini berbentuk ilmiah. Sebanyak 20 daripada 56 puisi dipilih untuk menjalankan kajian ini. Berikut adalah senarai puisi yang dipilih oleh pengkaji.

BIL	SUB TOPIK	TAJUK PUISI	MUKA SURAT
1.	Ufuk timur	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Catatan Hujung Dinihari</li> <li>• Aku Harus Pergi</li> <li>• Wahai Matahari</li> </ul>	3 5 6
2.	Medan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sepohon Bunga</li> <li>• Ke Mana Arah?</li> <li>• Sudut lain</li> <li>• Walau di mana</li> <li>• Di sini</li> <li>• Azan Magrib</li> <li>• Malam</li> <li>• Istana Maimon</li> </ul>	23 16 19 22 27 28 29 32
3.	SiBolangit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Langit Biru</li> <li>• Kisah Tepi Tasik</li> <li>• Bawalah aku ke Langit</li> </ul>	39 43 48
4.	Kabanjahe	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mereka Menyahut azan</li> </ul>	53
5.	Penatapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puncak Penatapan</li> <li>• Penatapan Ini, Bukan Untuk dijual</li> </ul>	62 67

6.	Brastagi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Acara Lelong</li> <li>• Pasar Besar Bratagi,1</li> <li>• Naik Kuda,Bang</li> </ul>	75 77 81
7.	Danau Toba	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertemu Danau ini</li> <li>• Danau Berkirim Salam</li> </ul>	96 99
8.	Ufuk Barat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembaris Sejarah</li> </ul>	105

Jadual 4 : Senarai puisi yang dipilih

### 3.2.4 Artikel, Jurnal dan Buku

Artikel, jurnal dan buku adalah sumber penting untuk pengkaji mendapatkan maklumat tambahan untuk mengukuhkan sesebuah kajian. Menerusi artikel,jurnal dan buku pengkaji dapat menelusuri pandangan-pandangan daripada tokoh lain untuk memudahkan pengkaji menyelesaikan kajian. Selain itu, pengkaji juga dapat mengumpulkan data berdasarkan kajian lepas yang dibuat oleh pengkaji sebelumnya untuk menjayakan kajian ini.

### 3.2.5 Temu Bual

Temu bual adalah komunikasi dua hala yang bertujuan mengumpul maklumat berkaitan kajian yang dijalankan. Kaedah temu bual juga digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian yang dilaksanakan. Kaedah ini digunakan adalah untuk pengumpulan maklumat dengan menjalankan temu bual secara lisan dan hasil daripada temu bual perlu direkod oleh pengkaji secara bertulis atau rakaman. Menurut Chua Yan Piaw,(2014) temu bual dikategori kepada tiga jenis iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur dan temuuu bual tidak berstruktur. Temu bual ini akan dijalankan bersama penulis buku *Matahari Itu Jauh* iaitu Encik Rosli K Matari bagi mengukuhkan kajian ini.

### 3.3 Kaedah Penerapan Teori

Teori adalah elemen penting dalam setiap kajian yang dijalankan untuk menyempurnakan kajian supaya lebih sistematik. Perkataan teori adalah berasal dari perkataan Yunani *theoria* yang bermaksud visi, berfikir dalam-dalam atau membuat sesuatu spekulasi. Rudner ( 1996) menyatakan teori ialah sudut terhad dan merupakan sebuah rangkuman utuh yang berkait secara lancar dan mampu dilihat menerusi pengamatan. Selain itu, teori adalah asas penting yang menjadi perkara utama kepada pembentukan sesuatu cabang ilmu pengetahuan. Teori juga merupakan rangka maklumat yang terbina adalah benar berdasarkan panduan yang terkandung dalam sesebuah teori yang diaplikasikan.

#### 3.3.1 Puitika Sastera Melayu

Teori yang diaplikasikan menerusi kajian ini adalah teori Puitika sastera Melayu yang telah digagaskan oleh Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh pada tahun 1989. Menerusi bukunya yang bertajuk *Puitika Sastera Melayu* pengarang telah merungkai prinsip yang diketengahkan secara menyeluruh untuk dikaji oleh para pengkaji. Beliau menegaskan sesebuah teori perlu mempersoal semua bidang penting karya yang mencakupi definisi, alatan bahasa, fungsi, pengarang, konsep teks, estetika serta khalayak yang dapat memberi makna akhir dalam sesebuah karya sastera. Hal ini demikian, mendefinisikan teori ini akan memperlihat

keindahan yang menonjolkan identiti Melayu. Melalui teori ini, pengkaji akan menganalisis maksud gaya bahasa melalui pendekatan yang indah-indah dalam teori puitika sastera Melayu dan menghubungkait gaya bahasa dan pemikiran pengarang.

### 3.3.2 Pendekatan Yang Indah- Indah

Menerusi teori Putika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh pengkaji memilih pendekatan Yang Idah-indah. Melalui teori puitika sastera Melayu terdapat enam aspek puitika sastera Melayu iaitu takrif dan istilah, fungsi karya sastera, genre, perkataan yang indahindah,teks, msmprebaru pengarang, Yang Indah-indah: Estetika Sastera Melayu dan khalayak serambi pentas. Pemilihan aspek ini adalah untuk menganalisis gaya bahasa yang terdapat dalam *Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh*. Aspek ini adalah aspek keempat dalam teori Puitika Sastera Melayu. Perkataan –perkataan Indah dalam puisi memperkenal garis estetika sastera iaitu suatu bidang yang berkaitan kemerduan bahasa, struktur penyampaian serta bentuk dan rima yang dialunkan. Berdasarkan karya sastera yang indah, kita akan menelusuri ke satuh tahap pengalaman deria dan emosi yang lebih halus daripada pengalaman harian yang bersederhana dan agak kasar, justeru pengalaman inilah yang dicari dalam sastera. Terdapat juga enam ciri keindahan berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu iaitu dunia luas yang dipadatkan, mainan kiasan dan saranan, dunia berjodohan, muzik seiring kata, sama ukuran dan sesuai dan patut. Pengkaji memilih tiga daripada enam ciri ini iaitu dunia luas yang dipadatkan, mainan kiasan dan saranan dan sama ukuran bagi melengkapkan kajian ini.

<b>BIL</b>	<b>ASPEK PUITIKA SASTERA MELAYU</b>
1.	Takrif dan Istilah
2.	Fungsi Karya Sastera
3.	Genre
4.	<b>Perkataan Yang Indah-Indah</b>
5.	Teks
6.	Memperbaharui Pengarang
7.	Yang Indah-Indah:Estetika Sastera Melayu
8.	Khalayak di Serambi Pentas

Jadual 5: Aspek Puitika Sastera Melayu


<b>BIL</b>	<b>PRINSIP PUITIKA SASTERA</b>
1.	<b>Dunia luas yang dipadatkan</b>
2.	<b>Mainan kiasan dan saranan</b>
3.	<b>Dunia berjodohan</b>
4.	Muzik seiring kata
5.	Sama ukuran
6.	Sesuai dan patut

Jadual 6 : Prinsip Puitika Sastera

### 3.3.4 Kaedah Analisis

Pada bahagian ini, pengkaji akan menganalisis maksud gaya bahasa melalui pendekatan yang indah-indah dalam teori puitika sastera Melayu dan menghubungkait gaya bahasa dengan pemikiran pengarang menggunakan teori puitika sastera Melayu menerusi karya *Matahari Itu Jauh* karya Rosli K Matari. Oleh hal yang demikian pengkaji dapat mengetahui maklumat-maklumat berkaitan kajian ini.

### 3.3.5 Kerangka Teori



#### Jadual 5: Kerangka teori

##### **3.3.6 Kesimpulan**

Bab ini menjelaskan secara terperinci berkaitan metodologi kajian yang diaplikasi oleh pengkaji. Metodologi ini juga diharapkan dapat memberi jaminan berkaitan kesahihan dan kebolehpercayaan dalam kajian penyelidikan ini. Hal ini demikian kerana, pengkaji menggunakan segala kaedah untuk mengkaji aspek gaya bahasa dan pemikiran pengarang menerusi teori Puitika Sastera Melayu menggunakan prinsip Yang Indah-Indah. Oleh itu, pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif untuk mendapatkan maklumat secara menyeluruh dan menjamin kualiti kajian ini.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pendahuluan

Bab ini akan menjelaskan dapatan kajian dengan lebih terperinci berdasarkan objektif yang disenaraikan iaitu objektif pertama adalah mengenalpasti jenis gaya bahasa yang terdapat dalam kumpulan puisi *Matahari Itu Jauh*. Objektif kedua iaitu menganalisis maksud gaya bahasa melalui pendekatan perkataan yang indah-indah dalam teori puitika sastera Melayu. Objektif ketiga pula adalah menghubungkait gaya bahasa dan pemikiran pengarang menggunakan teori puitika sastera Melayu. Kaedah pengumpulan data menerusi kajian ini adalah menggunakan analisis dokumen, kaedah kepustakaan, kaedah melayari laman sesawang dan juga menemu bual penulis karya kumpulan puisi itu sendiri iaitu Encik Rosli K Matari. Melalui karya ini dapat diperlihatkan bahawa pengarangnya meluahkan rasa atau perasaannya ketika beliau menjelajah ke Indonesia pada tahun 2014. Beliau mengkritik dan meluahkan perasaan melalui karya kumpulan puisi ini.

KELANTAN

#### **4.1 Menjelaskan jenis gaya bahasa yang terdapat dalam kumpulan puisi Matahari Itu Jauh karya Rosli K Matari**

Gaya bahasa adalah bahasa yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu maksud . Siti Hajar Abdul Aziz ( 2011) menyatakan gaya bahasa adalah merujuk sebagai oemilihan kata, frasa dan ayat yang digunakan oleh seseorang pengarang bagi menyampaikan ceritanya. Gaya bahasa ini adalah bukan ditulis oleh seseorang pengarang, namun cara pengarang dalam menulis dan menyampaikan ceritanya. Menurut Keris Mas ( 1990), gaya bahasa adalah atau ragam bahasa itu dipakai khususnya menerusi tulisan atau karangan. Pemakaian bahasa ini mengandungi pelbagai jenis yang cukup khusus. Selain itu, gaya bahasa juga merujuk kepada gaya seseorang pengarang menggunakan bahasa dan menjadi salah satu wahana yang paling sempurna untuk seseorang manusia menyampaikan amabatnya. Menurut Abdul Razak Mohd Kazim, (1998) penguasaan bahasa memainkan peranan penting bagi seseorang manusia. Seterusnya gaya bahasa yang indah diaplikasikan dalam sesebuah karya bertujuan meningkatkan kesan mendalam di hati pembaca dengan membuat perbandingan sesuatu benda, hal tertentu dengan benda lain yang lebih umum. Menerusi (Dale, 1971 dalam Henry gunter Tarigan, 1995:5) , gaya bahasa tertentu mampu mengubah serta memberi konotasi tertentu. Di samping itu, Awang Sariyan mendefinisikan “ kebanyakannya orang lebih senang berbicara berkaitan gaya bahasa kerana aspek inilah yang menampakkan serta menonjolkan identiti seseorang penulis”.

#### 4.1.1 Sinisme

Gaya bahasa sinisme adalah sebuah sindiran yang tajam dan bersifat ejekan disebabkan sangsi dengan sesuatu pernyataan. Menurut jurnal Gaya Bahasa Sindiran Ironi (2018) sinisme adalah sebuah sindiran berbentuk sanksi dan mengandungi ejekan terhadap ketulusan dan keikhlasan hati. Keraf (2007) pula menyatakan sinisme adalah sebuah sindiran yang berbentuk kesangsian dan mempunyai ejekan kepada ketulusan hati seseorang penutur. Selain itu sinisme ini adalah sebuah gaya bahasa yang mencari khilaf atau kesalahan orang lain yang bertujuan mengejek atau menyindirnya. Gaya bahasa sinisme adalah sindiran secara langsung dan bertujuan menyindir secara kasar. Menerusi *Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh* terdapat gaya bahasa sinisme yang berperanan menyindir sesuatu perkara. Antara contoh-contoh gaya bahasa sinisme yang terdapat dalam karya ini adalah seperti berikut:

#### Petikan 1

Orang kaya melupakan neraka  
rupiah diselam ke dalam bir  
wanita disepit sahaja seperti ketam  
dosa tidak memerlukan kalkulator

(Rosli K Matari, 2014: 19)

Menerusi contoh puisi diatas, gaya bahasa sinisme dapat dilihat pada keseluruhan petikan dimana pengarang mengkritik tentang sikap manusia yang lalai dengan nikmat dunia sehingga sanggup melakukan apa sahaja bagi memaskan nafsu syaitan mereka. Nikmat dunia sememangnya indah kerana ada pelbagai tarikan yang membuatkan ramai yang terpukau dengan keindahan yang sementara ini. Tarikan yang dimaksudkan antaranya adalah arak, judi, perempuan dan sebagainya. Sekiranya mereka tidak bertaubat dengan benar mereka akan terus hanyut dengan dosa-dosa tersebut. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, baris pertama di atas “Orang kaya melupakan neraka” menjelaskan sikap segelintir orang berada yang bersikap dengan sewenang wenangkan tanpa mengira dosa atau pun pahala. Pada baris kedua “rupiah diselam ke dalam bir” menunjukkan pengarang menggunakan wang rupiah sebagai sandaran untuk puisi ini kerana pada masa ini beliau berada di Indionesia. Baris tersebut bermaksud masyarakat sanggup melakukan apa sahaja demi memuaskan nafsu termasuk meminum minum beralkohol. Pada baris ketiga “ wanita disepit sahaja seperti ketam” menunjukkan kaum wanita sanggup diheret kemana sahaja oleh lelaki asing yang kaya dan ingin memuaskan nafsu peribadi mereka. Pada baris keempat “ dosa tidak memerlukan kalkulator” memerihalkan dosa manusia dihitung dengan sendirinya oleh malaikat yang diutuskan oleh Allah SWT iaitu malaikat Raqib mencatat amalan baik manusia manakala malaikat Atid ditugaskan mencatat amal buruk manusia. Setiap amal baik atau buruk tidak memerlukan kalkulator untuk menghitung sebanyak mana kebaikan atau kejahatan yang dilakukan oleh seseorang manusia. Gaya bahasa sinisme ini penting bagi melontarkan pendapat atau pandangan secara langsung terhadap sesuatu perkara. Bahasa yang digunakan juga mudah difahami oleh masyarakat. Oleh itu, gaya bahasa sinisme memainkan peranan penting dalam memberi

teguran secara langsung dan sinis agar dapat mendidik masyarakat melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran.

### Petikan 2

Mengajak sesiapa ingin ke sejadaH  
**Untuk sujud kepada Tuhan**

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:28)

Petikan puisi diatas gaya bahasa ironi dapat dilihat pada ayat ‘*Untuk sujud kepada Tuhan*’. Merujuk hal ini,pengarang ingin mengajak serta menyindir manusia agar mentaati akan perintah yang diberikan oleh Allah SWT. Pengarang menegur masyarakat secara langsung agar sentiasa ingat akan tugas manusia sebagai khalifah di muka bumi Allah ini. Manusia sememangnya ditugaskan untuk mengerjakan segala perintah yang diberikan Allah Swt seperti mengerjakan solat lima waktu, berpuasa di bulan ramadhan dan sebagainya. Dalam petikan pada rangkap pertama “Mengajak sesiapa ingin ke sejadaH”, pengarang mengajak masyarakat untuk mentaati perintah Allah dengan mengajak masyarakat supaya melakukan ibadah kepada penciptaNya. Pada baris kedua pula, “ Untuk sujud kepada Tuhan”, pengarang mengajak masyarakat pembaca untuk sujud kepada Allah SWT dengan mengerjakan ibadah solat secara berjemaah. Oleh itu, dalam petikan ini pengarang menegur dan mengajak manusia secara langsung agar beribadah kepada Allah SWT.

### Petikan 3

Orang kaya –kaya  
kaut rupiah berlonggok-longgok,

simpan bertimbun-timbun,  
tiada sehelai pun  
untuk saya

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh,2014:32)

Petikan diatas menunjukkan gaya bahasa ironi pada keseluruhan ayat. Merujuk hal ini pengarang mengkritik sifat orang kaya yang mempunyai wang yang banyak namun tidak diberi dan disedekahkan kepada orang miskin atau yang berhak. Wang sangat penting kerana dengan adanya wang masyarakat bebas berbelanja apa sahaja namun begitu wang yang banyak dapat menjadikan seseorang itu angkuh dan juga lupa diri. Pengarang menegur sikap masyarakat yang kaya dengan heart namun kedekut untuk melakukan ibadah sedekah yang amat dituntut dalam agama islam. Oleh itu gaya bahasa ini adalah bertujuan menegur masyarakat agar berbuat kebaikan demi kesejahteraan diri.

#### 4.1.2 Metafora

Metafora adalah gaya bahasa yang menggunakan kata-kata yang dapat memberi makna lain daripada makna tersurat atau dikenali sebagai bahasa kiasan. Gaya bahasa jenis ini adalah sebuah gabungan kata konkret dan abstrak. Hawkes ( 1986) menyatakan metafora adalah suatu cara mendeskripsi sesuatu dengan mengatakan bahawa terdapat suatu hal lain yang mengandungi kualiti terhadap sesuatu yang hendak dijelaskan. Selain itu, Asmah Haji Omar ( 1996) menyatakan metafora bukan hanya terbatas sekadar bunga-bunga bahasa ataupun disebut sebagai bahasa yang indah namun lebih dalam daripada pengertian tersebut kerana metafora memberi gambaran

berkaitan sistem konseptual sesuatu bahasa dan kepercayaan terhadap kebudayaan para penutur asli tersebut. Seterusnya, Md Salleh Yaapar (2015) menyatakan metafora adalah sebuah bahasa kiasan perbandingan secara tersirat dua objek yang berbeza berdasarkan imaginasi dan dapat mewujudkan konotasi yang baharu. Gaya bahasa ini berfungsi sebagai bahasa bandingan yang dapat menimbulkan perasaan serta dapat menggerakkan imaginasi pembaca semasa membaca karya yang dihasilkan oleh pengarang.

#### Petikan 4

Selebihnya lagi,  
sejumlah besar tebal,  
**halaman sejarah** penjajah  
yang sudah berdebu

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:32)

Menerusi petikan di atas dapat dilihat metafora pada perkataan ‘*halaman sejarah*’. Halaman adalah adalah perkara rumah,tanah kawasan lapang di hadapan rumah manakala sejarah bermaksud peristiwa yang benar-benar berlaku pada masa lampau. Merujuk hal ini pembaca dapat membandingkan dan memindahkan makna tersebut. Pengarang menggunakan gaya bahasa metafora bagi menyampaikan maksud disamping menimbulkan keindahan dalam bait ayat yang dibaca. Gaya bahasa metafora terdapat pada baris ketiga dalam petikan iaitu ‘*halaman sejarah*’ di mana ada penggunaan konkrit dan abstrak pada ayat tersebut. Gaya bahasa metafora penting dalam mewujudkan kesan estetika kepada para pembaca. Gaya bahasa jenis ini memainkan peranan penting dan perlu ada dalam setiap puisi agar lebih bermutu. Oleh itu, gaya bahasa metafora penting dalam mewujudkan keindahan dalam setiap bait ayat.

**Petikan 5**

**Pembaris sejarah**  
Akan membedalmu,  
Kalau kaulupa,alpa  
melangkah ke garis salah

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh,2014:107)

Menerusi petikan diatas dapat dilihat penggunaan gaya bahasa metafora pada perkataan ‘*pembaris sejarah*’. Pembaris adalah suatu kayu yang lurus bersenggat yang digunakan untuk mengukur dan membuat baris manakala sejarah adalah suatu peristiwa-peristiwa lampau. Merujuk hal ini,pengarang boleh membuat perbandingan dan memindahkan makna tersebut. Nilai estetika yang dapat dilihat melalui ayat ini adalah membandingkan pembaris dengan sejarah.Perbandingan ini adalah mudah namun dapat membuka serta menggerakkan imaginasi kepada para pembaca dengan terwujudnya makna yang cukup kompleks. Oleh itu,gaya bahasa metafora yang digunakan dalam petikan ini mengandungi nilai estetikanya yang tersendiri serta mampu meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembaca.

#### 4.1.3 Paradoks

Gaya bahasa paradoks adalah sebuah gaya bahasa yang bertentangan dengan kata-kata dalam ayat serta fungsinya. Hal ini demikian kerana gaya bahasa ini memperlihat keadaan yang bertentangan atau berlawanan. Abdullah Yusof (2014) menyatakan paradoks ini menonjolkan sebuah situasi atau keadaan yang berlawanan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ( 2005) paradoks adalah sesuatu yang bertentangan dengan pendapat yang diterima umum. Selain itu, Dalam memahami Istilah Sastera, Karya Bistari (Rahman Shaari, 1985:70) berpendapat paradoks lebih mirip ironi . Sesuatu yang asing dan kurang menyakinkan walaupun pengertiannya benar. Kamus Gaya bahasa paradoks adalah sebuah gaya bahasa yang berlawanan atau bertentangan dengan kata-kata dalam sebuah ayat. Hal ini demikian bagi memperlihatkan suatu keadaan atau suasana yang bertentangan bagi menimbulkan keindahan dalam sesebuah karya itu sendiri. Dalam kamus Puisi, DBP ( 2005: 71) paradoks ini adalah sebuah gaya bahasa yang hampir mempunyai persamaan dengan ironi. Bahasa yang digunakan berlawanan atau asing dengan hal atau kenyataan yang sebenar.

#### Petikan 6

Tetapi alam  
**memang sahabat manusia,**  
cuma manusia  
selalu jahat awal dan akhir  
pada alam

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:62)

Menerusi contoh diatas dapat dilihat pengarang menggunakan gaya bahasa paradoks iaitu bertentangan dengan maksud dalam ayat. Hal ini dapat dilihat pada baris kedua iaitu " memang sahabat manusia" adalah parodoks yang digunakan bagi mengambarkan sifat manusia yang negatif dan berlawanan dengan ayat yang diberikan. Gaya bahasa ini penting dalam membentuk imaginasi dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, gaya bahasa paradoks penting dalam menggerakkan imaginasi setiap pembaca.

#### 4.1.4 Personafikasi

Gaya bahasa personafikasi adalah berkaitan pemberian sifat manusia kepada objek bukan hidup, binatang serta tumbuhan. Hal ini demikian berfungsi bagi menimbulkan imaginasi dalam kalangan pembaca. Menurut Fadzri Aris et al. ( 2013) gaya bahasa personafikasi juga dikenali sebagai perorangan atau penginsanan. Personafikasi adalah pengarang memberi sifat manusia sama ada dari segi perasaan, perwatakan atau tingkah laku kepada benda-benda bukan hidup, tumbuhan dan jga haiwan. Rahman Shaari (1993) menyatakan personafikasi adalah sebuah gaya bahasa kiasan yang memberi gambaran objek dengan pemberian sifat manusia manakala Keris Mas (1990) pula menyatakan personafikasi adalah sebagai "*kiasan permanusiaan*". Md Siddin Ahmad Ishak dan Mohd Saleeh Rahanad (1999) menyatakan manusia yang diberi sifat bukan manusia dikenal sebagai dipersonafikasi. Fungsi gaya bahasa ini adalah untuk menggerakkan imaginasi para pembaca dan memberi fokus maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang itu sendiri.

### Petikan 7

Tin bir, kemik  
masih merapu  
di tepi longkang,  
walau **dicekik matahari**

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014: 22)

Petikan diatas menujukkan gaya bahasa personafikasi digunakan dalam puisi moden ini. Gaya bahasa personafikasi adalah menggunakan sifat manusia kepada benda bukan hidup. Pada baris keempat “ walau dicekik matahari” memperlihatkan sifat manusia iaitu dicekik manakala matahari adalah suatu yang bukan hidup. Gaya bahasa personafikasi ini penting dalam menimbulkan kesan estetika kepada para pembaca. Selain itu, gaya bahasa ini juga dapat menggerakkan minda pembaca untuk berfikir secara rasional serta menambahkan pengetahuan mereka. Oleh itu, gaya bahasa personafikasi ini penting dalam menulis sesebuah puisi kerana ianya dapat menggerak imaginasi para pembaca.

### Petikan 8

Dari ufuk timur ini  
**Usiaku perlahan-lahan**  
akan menyeberang juga  
**ke sebelah sana,**  
Karam, terpendam  
Di tempat kau selalu  
menyelam

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh ,2014:6)

Petikan di atas menunjukkan sebuah rangkap puisi yang mengandungi gaya bahasa personafikasi pada petikan ayat ‘*Usiaku perlahan-perlahan akan menyeberang juga ke sebelah sana*’. Gaya bahasa personafikasi adalah gaya bahasa yang mempunyai sifat perorangan dalam bait ayatnya. Hal ini demikian dapat dilihat menerusi perkataan iaitu “ Usiaku perlahan-lahan akan menyeberang juga ke sebelah sana”, dimana usia adalah sesuatu yang tidak hidup manakala menyeberang juga ke sebelah sana adalah sifat atau tindakan yang diberikan pengarang dalam puisi ini. Hal ini demikian akan menimbulkan kesan keindahan apabila pembaca membaca bait puisi ini. Selain itu, ianya akan menarik minat pembaca kerana bahasa yang digunakan menarik dan pembaca dapat berfikir secara rasional. Oleh itu, gaya bahasa personafikasi dapat menggerakkan imaginasi dalam kalangan masyarakat pembaca.

### Petikan 9

Di jalan lain,agak suram  
**ada lorong**  
**memanggil,melambaiku**  
membujuk,ayat-ayat ghairah

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh,2014:16)

Petikan diatas menunjukkan penggunaan gaya bahasa personafikasi pada petikan ayat ‘*ada lorong memanggil,melambaiku*’. Lorong adalah tempat dan tidak hidup manakala memanggil dan melambai adalah sifat manusia yang diberikan oleh pengarang untuk meningkatkan imaginasi pembaca. Hal ini demikian dapat menarik minat pembaca untuk terus menghayati bait puisi ini. Gaya bahasa personafikasi ini sangat penting dalam sesbuah puisi agar dapat menghasilkan ayat-ayat yang kreatif dan gramatis. Apabila para pembaca berjaya mengaitkan unsur bukan manusia

dengan sikap manusia mereka akan lebih memahami maksud yang ingin disampaikan oleh para pembaca. Oleh itu, gaya bahasa ini mampu meninggalkan kesan estetika kepada pembaca.

#### 4.1.5 Anafora

Gaya bahasa anafora adalah pengulangan perkataan pada awal baris secara berurutan pada awal baris dan biasanya ditemui dalam sesbuah penulisan dan pertuturan. Rahman Shaari ( 1989) menyatakan anafora adalah pengulangan perkataan atau kalimat beberapa kali oleh seseorang penulis bagi memberi penegasan terhadap sesuatu perkara. Henry Guntur Tarigan ( 1989) pula menyatakan anafora adalah sebuah gaya bahasa jenis pengulangan bagi menegaskan maksud bagi memberi penegasan yang disampaikan melalui pengulangan secara berurutan kalimah atau kata dalam sesbuah karya. Beliau juga menyatakan gaya bahasa perulangan ini merangkumi beberapa jenis gaya bahasa seperti anaphora,simplok,epifora,response,woordopname,homoioteleuton dan juga paralelisme. Justeru itu, anfora ini dinyatakan sebagai gaya pengulangan yang diulang pada awal baris pada setiap baris dan kalimat.

#### Petikan 10

Langit mendengar,  
Suara itu dari sebuah benua,  
**di** dalam sebuah negara,  
**di** dalam pekat malam,  
**di** atas gunung gondol,  
**di** dalam sisa rimba,  
**di** celah sebatang pokok,  
**di** celah daun-daun,  
**di** sebalik sehelai daun,  
**di** tepi urat daun.

Kata langit-  
“Bukankah itu suara api-api?”

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:48)

Menerusi puisi diatas terdapat penggunaan gaya bahasa anafora iaitu pengulangan perkataan di awal baris. Hal ini demikian bagi menegaskan lagi maksud puisi tersebut disamping memberi impak positif kepada pembaca. Pengulangan perkataan pada awal baris dapat dilihat pada perkataan “di” menerusi petikan tersebut seperti yang telah ditebalkan oleh pengkaji. Gaya bahasa anafora memainkan peranan penting dalam menimbulkan kesan penegasan agar mereka dapat berfikir secara rasional dan mengambil intipati pengajaran yang ingin disampaikan dalam sesebuah puisi moden. Oleh itu, gaya bahasa anafora ini sangat penting dalam memberi penekanan terhadap sesuatu perkara yang ingin disampaikan oleh sesorang pengarang.

### Petikan 11

**semakin lama semakin** sibuk  
**semakin lama semakin** sesak

**terlalu banyak** cabang dan simpan  
**terlalu banyak** hala dan tuju

**semakin panjang**  
**semakin jauh**

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014: 28)

Menerusi puisi di atas dapat dilihat gaya bahasa anafora yang digunakan pengarang dalam puisi ini. Gaya bahasa anafora dapat dilihat menerusi puisi ini untuk memberi penegasan terhadap maksud yang ingin disampaikan pengarang. Gaya bahasa anafora dapat menjadikan pembaca

merasai maksud yang ingin disampaikan menerusi puisi tersebut. Hal ini demikian kerana, gaya bahasa anafora dapat dilihat pada pengulangan awal perkataan pada perkataan 'semakin' iaitu "semakin lama semakin sibuk, semakin lama semakin sesak". Selain itu, gaya bahasa anafora dapat dilihat pada perkataan 'terlalu' iaitu "terlalu banyak cabang dan simpan", terlalu banyak hala dan tuju. Di samping itu, gaya bahasa anafora dapat dilihat pada perkataan 'semakin' iaitu "semakin panjang, semakin jauh. Melalui puisi di atas terdapat tiga pengulangan pada awal ayat iaitu perkataan terlalu, semakin dan juga semakin. Penggunaan gaya bahasa ini dalam puisi menimbulkan kesan penegasan dalam ayat yang diberikan. Gaya bahasa ini juga mampu mendidik masyarakat agar mendapat pengetahuan dan pendidikan kepada masyarakat. Oleh itu, gaya bahasa ini penting dalam memastikan ilmu yang disampaikan sampai kepada para pembaca.

#### **4.1.6 Asonansi**

Gaya bahasa asonansi adalah perulangan bunyi vokal dua atau lebih daripada jumlah suku kata. Pengulangan ini terdiri daripada huruf vokal a, e, i, o dan huruf u. Pada umumnya diberi tumpuan kepada prosa tradisional seperti pantun,gurindam dan sebagainya. Muhammad Rozali (2011) menyatakan asonansi adalah pengulangan bunyi vokal yang sama secara berderetan. Menurut Fadzri Aris et al. ( 2013) gaya bahasa asonansi adalah pengulangan bunyi vokal yang sama dan dominan pada setiap baris puisi. Fungsi asonansi ini adalah untuk mewujudkan kemerduan,keindahan serta kelembutan pada bunyi ayat. Namun begitu, perlangan bunyi vokal ini kadangkala tidak meninggalkan kesan apa-apa dan minat kepada para pembaca.Pengarang banyak menggunakan huruf vokal pada bait-bait puisinya bagi menambahkan lagi kesan estetika pada sebuah puisi tersebut.

**Petikan 12**

Lampu, kupadamkan kau  
tetapi percayalah  
aku akan selalu mengenangmu,  
kerana kau pun tahu  
aku sering bertemu gelita

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh,2014:3)

Petikan di atas memperlihatkan gaya bahasa asonansi iaitu pengulangan huruf vokal a pada ayat. Vokal ‘a’ mendominasi hampir keseluruhan baris tersebut dan menghasilkan bunyi yang menarik agar pembaca dapat menghayati maksud dan makna yang ingin disampaikan oleh pengarang.Pengulangan huruf vokal ini adalah bertujuan menimbulkan keindahan dalam setiap bait ayat. Rahman Shaari (1993) menyatakan asonansi ini tidak bermakna dan bererti apa-apa namun ianya kadangkala dapat meninggalkan kesan estetika kepada para pembaca. Merujuk hal ini makna dan perasaan yang disampaikan dalam puisi boleh diambil kira. Nada dalam penghasilan sesebuah puisi juga penting dalam memastikan pembaca dapat merangsang mindanya dengan kesan estetika yang ditinggalkan olehkan pengarang. Oleh itu,asonansi ini dapat meninggalkan kesan estetikanya yang tersendiri dan dapat meninggalkan kesan yang mendalam kepada khalayak pembaca.

### Petikan 13

Tangga,  
apakah harus kukatakan  
padamu?  
Kautahu,usahakan sebelah sepatu  
aku pun boleh tercicir  
di tengah jalan

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh,2014:4)

Petikan di atas menerangkan gaya bahasa asonansi iaitu pengulangan huruf vokal 'a' pada bait ayat pada puisi tersebut. Hal ini demikian dapat dilihat pada perkataan yang telah diwarnakan dengan warna lain. Gaya bahasa asonansi ini penting dalam memastikan kesan bunyi apabila di baca oleh para pembaca. Nada yang disampaikan juga lebih indah seandaikan gaya bahasa asonansi ini digunakan dalam sesebuah puisi tersebut. Gaya bahasa asonansi penting dalam mewujudkan keseragaman antara bait ayat yang dihasilkan oleh seseorang pengarang. Oleh itu, gaya bahasa asonansi penting dalam memastikan keharmonian diwujudkan dalam sesebuah puisi ini.

#### 4.1.7 Aliterasi

Gaya bahasa aliterasi adalah pengulangan huruf konsonan pada awal baris kata atau perkataan yang sama secara bertrutan. Gaya bahasa ini kebiasaannya ditemui dalam sesebuah penulisan dan juga pertuturan. Fadzri et al. ( 2013) gaya bahasa aliterasi adalah pengulangan konsonan yang sama yang dominan yang terdapat dalam sesebuah puisi.Henry Guntur Tarigan

(1985) pula menyatakan aliterasi ini adalah sebuah pengaplikasian kata kerana bunyinya sama pada permulaannya. Selain itu, gaya bahasa ini digunakan adalah bertujuan untuk mewujudkan kesan estetika dan memberi penegasan dalam bait ayat. Rahman Shaari (1993) pernah menyatakan aliterasi ini tidak mengandungi erti apa-apa namun penggunaanya dalam puisi dapat memberi kesan kepada pengucapan seseorang. Gaya bahasa aliterasi ini bukan sahaja dapat mewujudkan nilai estetika pada puisi tersebut namun dapat mewujudkan nilai keindahan dan daya tarikannya yang tersendiri.

#### Petikan 14

“Aku hanya tahu tentang bayang.  
Bayang pohon,bulan,  
bintang-bintang.  
Yang indah-indah,”  
ujar tasik

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh,2014:44)

Menerusi petikan berikut, terdapat penggunaan gaya bahasa aliterasi pada ayat. Hal ini demikian dapat dilihat berdasarkan pengulangan huruf konsonan ‘n’ pada baris ayat tersebut. Hal ini secara tidak langsung dapat menarik minat pembaca dalam mendalami dan menghayati bait kata yang ingin disampaikan oleh pengarang. Perihal ini disokong oleh Rahman Shaari (1993) yang menyatakan aliterasi ini tidak bermakna dan berti apa-apa namun begitu ianya kadangkala dapat meninggalkan kesan pada pengucapan. Makna dan perasaan juga penting dalam penghasilan karya sastra. Oleh hal yang demikian, pengarang buku kumpulan puisi ini berjaya menghasilkan sebuah

karya yang kreatif dan puitis dengan adanya penggunaan gaya bahasa aliterasi yang dapat meninggalkan kesan mendalam kepada para pembaca.

#### 4.1.8 Epifora

Gaya bahasa epifora adalah gaya bahasa pengulangan di akhir baris secara berturutan. Gaya bahasa ini berfungsi dalam menimbulkan penegasan kepada maksud yang ingin disampaikan dan menimbulkan keindahan pada irama sesebuah puisi.

#### Petikan 15

Suara pedagang  
menawar yang **murah**,  
menjadi lebih **murah**

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh,2014:75)

Petikan di atas memerihalkan gaya bahasa epifora iaitu pengulangan ayat pada akhir baris. Hal ini demikian, dapat dilihat pada perkataan 'murah' dalam ayat puisi tersebut. Gaya bahasa ini penting dalam memberi penegasan kepada maksud yang ingin disampaikan oleh seseorang pengarang. Gaya bahasa epifora ini juga mampu menambahkan kesan estetika kepada pengarang untuk memberi pengetahuan atau didikan kepada masyarakat pembaca. Pembaca juga akan lebih memberi perhatian apabila berlakunya pengulangan ini. Oleh itu, gaya bahasa ini penting dalam mewujudkan keharmonian dan nada-nada yang indah dalam sesebuah puisi.

#### 4.1.9 Ironi

Gaya bahasa ironi adalah sindirin yang menyatakan sesuatu tetapi mengandungi makna yang lain. Md. Salleh Yaapar (2015) menyatakan ironi merupakan keadaan yang melindungi makna agar maksud yang disampaikan berbeza dengan yang disampaikan. Maksud yang disampaikan juga boleh berlawanan dengan apa yang diujarkan dalam ayat. Gaya bahasa ini bertujuan untuk memperdaya dan meninggalkan kesan artistik dan retorika kepada pembaca. Gaya bahasa ini menunjukkan ketidaksesuaian harapan dan juga kenyataan. Rahman Shaari (1993) pula menyatakan ironi adalah sebuah gaya bahasa yang menyatakan sesuatu yang berlawanan agar sindiran dapat disampaikan secara tulus dan halus. Gaya bahasa ironi dapat meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembaca kerana ayat yang digunakan adalah berupa nasihat yang ingin disampaikan pengarang kepada pembaca. Oleh itu,gaya bahasa ini penting dalam memberi sindiran yang dapat mendidik pembaca.

#### Petikan 16

Sejarah itu pembaris  
Yang boleh membetulkan,meluruskan  
garis akan datang  
agar kau tidak terpesong lagi,

( Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh ,2014:107)

Menerusi petikan diatas menunjukkan penggunaan gaya bahasa ironi. Hal ini demikin kerana ironi adalah suatu sindiran secara halus iaitu tidak kasar dan tidak juga terlalu sinis. Gaya bahasa ini digunakan untuk menimbulkan suatu perasaan yang dapat menerkam jiwa dan

maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang dapat diteliti dengan lebih terperinci. Keseluruhan petikan diatas menggambarkan khilaf seseorang pada masa lampau yang dikenang kembali. Khilaf yang berlaku tidak dapat diperbetulkan namun kita boleh menjaga untuk tidak berbuat demikian pada masa akan datang. Pengarang ingin menyampaikan kita harus memandang kedepan dan tidak melihat keburukan diri sendiri pada masa lampau. Oleh itu,gaya bahasa ironi ini mampu mendidik masyarakat agar menjadi insan yang lebih baik.

#### **4.2 Menganalisis maksud gaya bahasa melalui pendekatan perkataan yang indah-indah dalam teori puitika sastera Melayu**

Gaya bahasa adalah suatu pemakaian bahasa. Gaya bahasa sering diguna pakai dalam karya-karya sastera seperti puisi,novel dan sebagainya. Robert P Wareen dan Clean Brooks (1998) menyatakan gaya bahasa ini merupakan sebuah penyusunan dan pemilihan bahasa seseorang pengarang. Keris Mas (1990) adalah suatu cara dan ragam bahasa yang digunakan dalam sesbuah penulisan. Berpandukan teori puitika sastera Melayu berdasarkan pendekatan yang indah-indah pengkaji memilih tiga prinsip daripada enam prinsip yang ada dalam teori ini iaitu dunia luas yang dipadatkan,mainan kiasan dan saranan serta dnia berjodoh.

#### 4.2.1 Dunia luas yang dipadatkan

Dunia luas yang dipadatkan adalah satu nilai yang meletakkan peraturan di mana dunia dan makna harus dipadatkan dalam sebuah cakerawala kecil kata-kata. Menerusi yang ingin dimaksudkan dengan dipadatkan adalah sebuah pemikiran seni yang melibatkan pengalaman dunia yang besar dan pada akhirnya dimasukkan dalam citra dan perkataan. Menerusi sesebuah karya puisi moden seseorang pengarang menghasilkan karyanya menerusi pengalaman, pengamatan, kenangan, taakulan dan lain-lain dalam membina isu yang ingin dibincangkan. Hal ini bertujuan menyampaikan pesanan, dorongan dan sebagainya kepada para pembaca. Oleh hal yang demikian, sesebuah pengalaman akan dipadatkan melalui citra atau kata ini akan mewujudkan satu kesimpulan akhir setelah pengarang tersebut berfikir. Tuntasnya, sesebuah pengalaman serta imaginasi pengarang akan disampaikan dengan jelas dan baik melalui citra atau kata dalam sesebuah puisi moden dan akan meninggalkan impak kepada khalayak pembaca.

#### Petikan 17

Segala yang berdosa itu  
Menyelit dalam samar,  
Berselindung di sebalik kelam,  
Tersembunyi dalam pekat hitam

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:29)

Petikan di atas bertujuan memberi pengajaran kepada masyarakat tentang manusia itu adalah seorang pendosa yang banyak melakukan kemungkaran tanpa disedari oleh mereka sendiri. Dosa tidak dapat dilihat dan hanya diketahui semasa hari pembalasan kelak. Umat manusia seharusnya berbuat baik dan tidak melakukan dosa kerana ianya akan menjelaskan amalannya nanti. Puisi ini disampaikan melalui dunia luas yang dipadatkan kerana nilai tersebut menggabungkan peraturan yang dunia dan makna perlu dipadatkan dalam cakerawala kecil kata-kata. Hal ini dikatakan sedemikian kerana pada baris pertama " Segala yang berdosa itu" merujuk kepada manusia yang sering melakukan khilaf dalam menjalani kehidupannya. Pada baris kedua, ketiga dan keempat "menyelit dalam samar, berselindung di sebalik kelam, tersembunyi dalam pekat hitam pula merujuk kiasan yang digunakan oleh pengarang untuk merujuk kepada dosa yang tidak disedari oleh umat manusia. Jelaslah, dunia yang dipadatkan melalui puisi di atas menimbulkan kesan keindahan sekali gus memberi pengajaran kepada masyarakat pembaca.

### **Petikan 18**

Lihatlah ini terung, kubis, sawi, lada  
Semua segar-bugar kerana  
Digilap dengan sinar halus matahari,  
Disapu dengan dingin gunung

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014;:77)

Petikan di atas bertujuan memberi pengetahuan kepada masyarakat berkaitan salah satu pasar di Indonesia yang di beri nama Pasar Besar Brastagi yang kaya dengan sayur-sayuran dan buah-buahan yang segar belaka. Brastagi ini terletak di daerah Kaputen Karo, Sumatera Utara.

Brastagi ini terletak di antara dua gunung berapi aktif iaitu gunung Sibayak dan gunung Sinabung. Rangkap puisi di atas menerangkan sayur-sayuran di pasar tersebut di jual segar dan menggamtit mata para pelancong yang datang ke pasar tersebut. Tambahan lagi apabila sayur-sayuran tersebut terkena panahan matahari dan mendapat menyebabkannya tidak cepat layu apabila ada gunung yang dingin. Menerusi puisi tersebut memperlihatkan pengarang ingin menceritakan pengalamannya semasa berkunjung ke pasar tersebut dan diaplikasikan dalam sebuah puisi. Pembaca juga dapat mengetahui tentang keunikan pasar tersebut apabila membaca puisinya. Jelaslah, dunia luas yang dipadatkan melalui puisi di atas dapat menimbulkan kesan keindahan kepada para pembaca.

### Petikan 19

Bertemu danau sebiru indah ini  
Mengingat aku pada cinta

( Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:96)

Petikan di atas bertujuan memberi rasa taajub kepada pembaca. Hal ini demikian, kerana iaanya disampaikan melalui dunia luas yang dipadatkan. Melalui teori Puitika Sastera Melayu, nilai estetika akan wujud jika adanya dunia luas yang dipadatkan dalam sesebuah karya puisi moden. Hal ini demikian kerana dalam baris satu "Bertemu danau sebiru indah ini" menggambarkan pengarang menjelajah dan akhirnya bertemu sebuah danau yang airnya biru dan mengasyikkan. Pada rangkap kedua " Mengingat aku pada cinta" menggambarkan perasaan pengarang apabila

melihat danau yang cantik. Pengarang teringat akan cinta hatinya. Melalui petikan ini dapat dilihat pengarang menggunakan pendekatan dunia luas yang dipadatkan bagi memberi kesan estetika dalam diri pembaca. Pembaca dapat membayangkan sendiri perasaan yang digambarkan oleh pengarang tersebut. Jelaslah, dunia luas yang dipadatkan melalui puisi ini akan menimbulkan kesan keindahan kepada masyarakat pembaca.

#### **4.2.2 Mainan Kiasan dan Saranan**

Puisi adalah sebuah genre sastera yang mengandungi pelbagai maksud tersurat dan tersirat yang boleh memberi pelbagai pengajaran kepada masyarakat. Semual Taylor Coleridge ( Abdul Halim Ali, 2009: 10) menyatakan puisi merupakan kata-kata yang terbaik dalam susunan yang terbaik. Hal ini demikian bermaksud sesbuah puisi berada dalam bentuk yang cantik dan kata-kata yang terkandung didalamnya menepati konteks. Puisi moden adalah sebuah seni penulisan kontemporari yang mengarang kata dengan susunan yang indah untuk menyampaikan maksud-maksudnya yang tersendiri. Isi yang terkandung dalam puisi moden adalah berkaitan persoalan politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Menerusi mainan kiasan dan saranan maksud adalah salah satu cara dimana sesbuah puisi moden disampaikan untuk dijadikan sebagai bahan pengajaran serta nilai murni dalam kalangan masyarakat. Mainan kiasan dan saranan adalah salah satu jalan terbaik untuk menegur tindak tanduk masyarakat tanpa merendahkan serta menjaga maruah diri

mereka. Oleh itu, teknik yang digunakan oleh pengarang ialah mainan kiasan dan saranan kerana cara penyampaiannya adalah secara umum.

### Petikan 20

Di sini, saya harus hidup  
Dalam asap dan debu

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:23)

Berdasarkan petikan diatas, pengarang menggunakan mainan kiasan dan saranan menerusi Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh. Penggunaan mainan dan kiasan adalah bertujuan untuk menegur atau menasihati masyarakat dengan menggunakan cara halus iaitu pada baris pertama iaitu "Di sini saya harus hidup" dan baris kedua " Dalam asap dan debu" adalah kiasan yang ingin disampaikan dalam puisi moden ini. Pengarang menggunakan bahasa kiasan bagi menggambarkan dirinya berada di tempat tersebut. Saranan pula masyarakat dapat menilai dan menterjemah sendiri maksud yang ingin disampaikan oleh seseorang pengarang. "Saya" dalam puisi ini adalah sepohon bunga yang hidup di udara yang kotor. Apa yang ingin disampaikan oleh pengarang adalah masyarakat perlu menjaga kebersihan alam sekitar agar udara yang dihirup lebih segar dan harmoni. Tumbuhan juga dapat hidup dengan lebih subur. Masyarakat seharusnya menjaga alam sekitar dari dicemari dari bahan pencemaran yang boleh merosakkan alam yang didiami ini. Oleh itu, puisi moden diatas ingin mengajak masyarakat agar menjaga alam sekitar kita.

### Petikan 21

Meski kotamu  
Semakin tengah malam,  
Semakin berdenyut dengan dangdut  
Kencang berdegup dengan muzik Brazil

( Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014: 19)

Berdasarkan petikan diatas adalah puisi yang sarat dengan pengajaran yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada para pembaca. Baris pertama dalam puisi moden ini adalah ”Meski kotamu” adalah kiasan yang digunakan untuk menggambarkan sebuah kota tanpa menyebut namanya kerana ianya dapat mengaibkan sesebuah Negara. Pada baris kedua ” semakin tengah malam” adalah kiasan yang digunakan untuk menunjukkan waktu telah larut malam. Pada baris ketiga ” semakin berdenyut dengan dangdut ” adalah bahasa kiasan yang digunakan untuk menggambarkan masyarakat sering berhibur di kelab-kelab malam sambil mendengar lagu-lagu dangdut yang mengasyikkkan. Pada baris keempat ”Kencang berdegup dengan muzik Brazil” adalah bahasa kiasan yang digunakan untuk menggambarkan masyarakat sering menghabiskan masa mendengar muzik dari anasir luar yang melalaikan manusia. Bahasa yang digunakan pengarang adalah agak sinis bagi menyedarkan masyarakat secara langsung berkaitan hiburan yang melampau sehingga ke larut malam. Pengarang ingin memberi saranan agar masyarakat seharusnya tidak berhibur secara keterlaluan kerana ianya menyalahi hukum islam. Masyarakat juga harus berwaspada dengan muzik-muzik yang boleh melalaikan umat manusia.

**Petikan 22**

Ketika azan bersuara  
Mereka menyahut azan  
Bergegas ke belakang imam

( Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:53)

Menerusi petikan diatas pelbagai pengajaran yang dapat diperoleh lebih-lebih lagi untuk umat islam. Baris pertama dalam puisi moden ini ” Ketika azan bersuara” adalah kiasan yang digunakan untuk memberi peringatan ketika azan bergumandang di benak teliga masyarakat di pekan gunung Indonesia. Pada baris kedua ” Mereka menyahut azan ” menggambarkan masyarakat disitu menghormati laungan azan dengan menjawab seruan azan. Pada baris ketiga ”Bergegas ke belakang imam” adalah menggambarkan mereka akan segera bersedia untuk solat berjemaah yang boleh mendatangkan lebih banyak pahala daripada solat bersendirian. Dalam rangkap ini pengarang ingin memberi saranan kepada masyarakat muslim terutamanya agar mendahulukan solat dari apa jua urusan dunia dan sebaiknya solat berjemaah di surau atau masjid agar solat kita beroleh keberkatan dan pahala akan berlipat kali ganda.

#### 4.2.3 Dunia Berjodoh

Dunia berjodoh adalah suatu hubungkait antara manusia dan persekitaran alam semulajadi seperti flora dan fauna. Dalam hal ini, pengarang menerapkan nilai keindahan sesebuah karya seperti kumpulan puisi Matahari Itu Jauh bagi membuktikan beliau seorang yang teliti dan pemerhati yang baik. Selain itu, dunia berjodoh juga akan menonjolkan sisi pemikiran seseorang pengarang menerusi dunia dalaman dan dunia luaran. Dunia dalaman adalah melibatkan idea dan pemikiran seseorang pengarang itu sendiri manakala dunia luaran pula adalah melibatkan dunia persekitaran seperti alam sekitar, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Perkaitan yang dinyatakan diatas adalah dunia berjodoh. Tuntasnya, penggunaan yang berkaitan dengan dunia berjodoh ini juga adalah suatu pengalaman pengarang itu sendiri lalu diterapkan ke dalam karya. Berdasarkan pengalaman ini akan mewujudkan keharmonian. Dengan adanya unsur harmoni akan dapat mententeramkan dalam menjalani sesebuah kehidupan. Unsur yang digunakan berdasarkan alam semulajadi adalah ketika digunakan secara teratur dan susunannya juga jelas serta mewujudkanimbangan dalam sesebuah karya yang dihasilkan oleh seseorang pengarang. Dunia berjodoh ini adalah perkaitan dengan persekitaran alamiah manusia itu sendiri dimana menonjolkan dunia terbahagi kepada dua bahagian iaitu alam raya, alam manusia dan masyarakat sekelilingnya. Namun demikian, belahan kedua-dua ini adalah saling melengkapi antara satu sama lain kerana dalam sesebuah puisi moden ada penggunaan sumber alam dan pemikiran pengarang bagi memantapkan serta menimbulkan kesan estetika yang lebih mendalam.

### Petikan 23

Pohon, tasik, gunung  
Yang sudah biasa kulihat  
Deru angin, guruh menderam  
Yang sudah biasa kudengar

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014,5)

Berdasarkan petikan puisi moden diatas dapat dinilai bahawa terdapat unsur alam dan pemikiran pengarang dalam menyampaikan sesuatu maksud, nasihat atau pengajaran menerusi karya yang dihasilkannya. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, pada baris pertama ” Pohon, tasik, gunung menunjukkan unsur alam semula jadi iaitu dengan menggunakan pohon, tasik, gunung sebagai unsur alam yang digunakan dalam puisi ini. Pada baris kedua ” Yang sudah biasa kulihat” adalah pemikiran pengarang yang ingin disampaikan oleh pengarang iaitu beliau sudah sentiasa melihat alam sekitar seperti ini. Pada baris ketiga ” Deru angin, guruh menderam” dapat dilihat alam sekitar di gunakan dalam puisi ini. Pada baris keempat ”Yang sudah biasa kudengar” menunjukkan pemikiran pengarang yang sudah terbiasa dengan alam. Dalam rangkap ini pengarang ingin menjelaskan beliau sering menjelajah dan sering melihat keindahan alam sekitar yang ada di atas muka bumi ini. Berdasarkan pengalamannya beliau telah mengaplikasi dan membentuk sebuah puisi moden ini bagi menggambarkan perasaannya ketika menjelah pada waktu itu. Pengalaman seseorang pengarang mampu memberi idea yang menarik dalam penciptaan sesebuah puisi moden ini. Jelaslah dunia berjodoh dapat dikaitkan dengan kumpulan puisi Matahari Itu Jauh kerana kata-kata atau citra yang digunakan mempunyai estetikanya yang tersendiri.

**Petikan 24**

Wahai langit biru,  
Barangkali kautahu  
Aku malu-malu  
menatapmu.

( Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:39)

Menerusi puisi moden diatas dapat dilihat ada unsur alam digunakan bagi mewujudkan estetika dalam sesebuah puisi. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, pada baris pertama "Wahai langit biru" menunjukkan unsur alam digunakan bagi mewujudkan estetika dalam sesebuah puisi moden. Pada baris kedua " Barangkali kautahu" menunjukkan pemikiran pengarang. Pada baris ketiga dan keempat " Aku malu-malu" dan "menatapmu" juga menunjukkan pemikiran pengarang dalam puisi ini. Dalam rangkap ini menerangkan pengamatan pengarang dalam menatap langit biru. Pengarang menjelaskan perasaannya ketika menikmati alam semula jadi. Jelaslah dunia berjodoh ini mampu memberi nilai keindahan dalam kumpulan puisi Matahari Itu Jauh dan saling melengkapi antara satu sama lain dalam semua aspek.

## Petikan 25

Di sini, walau sebagai kota besar, sibuk  
Masih ada taman, jajar pohon dijalan  
Kembang mekar, burung bebas girang  
Sebahagian serangga, dan neon

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:27)

Berdasarkan rangkap puisi di atas, jelas menunjukkan nilai keindahan puisi ini berdasarkan dunia berjodoh seperti yang dibincangkan dalam teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh. Hal ini dikatakan sedemikian kerana pengarang melibatkan unsur alam yang berada di sekelilingnya dan menggunakan dalam Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, pada baris pertama ” Di sini, walau sebagai kota besar, sibuk” menggambarkan pemikiran pengarang yang berada di kota yang sibuk dengan dengan kenderaan, pembangunan dan sebagainya. Pada baris kedua ” Masih ada taman, jajar pohon dijalan” menggambarkan alam sekitar seperti tumbuh-tumbuhan masih ada walau kota tersebut sibuk dengan pelbagai pembangunan dan kenderaan. Pada baris ketiga ” Kembang mekar, burung bebas girang” menunjukkan pemikiran pengarang berasa teruja dengan adanya bunga-bunga yang mekar serta burung bebas bergerak ke mana sahaja. Pada baris keempat ” Sebahagian serangga, dan neon” menunjukkan masih ada serangga di lampu-lampu neon. Menerusi rangkap ini ada penggunaan unsur alam dan pemikiran pengarang. Pengarang menyatakan berdasarkan pengamatannya semasa menjelajah ke Indonesia. Beliau gembira kerana dalam kesibukan pembangunan masih tumbuh subur bunga-bunga , taman serta tumbuhan lain. Serangga dan burung-burung juga hidup

harmoni tanpa mengganggu habitatnya. Dunia berjodoh ini saling berkait rapat dalam menghasilkan sebuah puisi yang baik.

#### **4.3 Menghubungkait gaya bahasa dan pemikiran pengarang menggunakan teori puitika sastera Melayu**

Seseorang pengarang menggunakan gaya bahasa dalam karyanya untuk mewujudkan nilai estetika dalam bait-bait ayat yang dikarangnya. Gaya bahasa yang digunakan dalam karya ini meliputi pemikiran pengarang itu sendiri. Pengarang Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh mendasarkan kepada pengalaman, taakulan, kenangan serta pengamatannya dalam menghasilkan puisi tersebut. Pada tahun 2014, beliau telah menjelajah ke Sumatera Indonesia dan menjelajah di kawasan tersebut. Beliau telah mengaplikasikan pengalaman serta kenangannya melalui sebuah puisi. Puisi-puisi ini banyak memberi pengajaran serta didikan kepada masyarakat. Sebuah karya yang baik perlu ada nilai intrinsik dan ekstrinsik dalam kandungannya. Nilai ini penting dalam memastikan kandungannya mengandungi aspek pengajaran dan didikan kepada masyarakat. Pengarang menggunakan ideanya untuk menghasilkan karyanya dengan lebih bermutu bersandarkan kepada nilai yang diperoleh di dalamnya.

Gaya bahasa yang digunakan adalah berdasarkan pemikirannya semasa menjelajah di sana. Gaya bahasa ini menjadikan puisi lebih menarik dengan adanya nada yang tersendiri. Gaya bahasa dan pemikiran pengarang penting dalam mewujudkan satu puisi yang harmoni dan baik. Puisi ini dapat memberi bimbingan kepada masyarakat berkaitan Sumatera Indonesia pada masa itu. Pembaca juga dapat mengetahui bagaimana perlakuan rakyat Indonesia sendiri kepada para pelancong. Berdasarkan teori puitika Sastera Melayu gaya bahasa dan pemikiran pengarang memainkan peranan penting dalam mewujudkan kesan estetikanya tersendiri. Antara contoh gaya bahasa dan pemikiran yang terdapat dalam kumpulan puisi tersebut adalah seperti berikut:

### Petikan 26

Itu kerja pengkhianat,  
bapak **politik bertopeng**,  
maling yang akan  
datang.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh,2014:67)

Menerusi contoh berikut, ada penggunaan gaya bahasa iaitu politik bertopeng. Metafora adalah pemakaian gaya bahasa yang menggunakan gabungan kata konkrit dan juga abstrak. Md Salleh Yaapar (2015) menyatakan metafora adalah kiasan yang perbandingan tersirat antara dua objek yang berbeza berdasarkan imaginasi seterusnya mewujudkan sebuah konotasi yang baharu. Keris Mas (1990) pula menyatakan metafora ini adalah sebuah bahasa kiasan atau kata bandingan yang tidak terikat kepada makna dua perkataan dan tidak memerlukan pengutaraan

terhadap kata yang dibandingkan. Muhammad haji Salleh (1989) pula menyatakan metafora adalah unsur yang telah diguna pakai sejak dahulu kala lagi. Intipati yang terdapat dalam gaya bahasa metafora adalah merupakan bahasa kiasan yang dapat menyampaikan makna dengan lebih berkesan dan efektif. Gaya bahasa ini tinggi nilainya

Berdasarkan contoh petikan di atas,pengarang ingin mengkritik ahli politik yang menyalahgunakan kuasa mereka dengan merosakkan Penatapan tersebut. Penatapan ini adalah sebuah tempat pelancongan di Indonesia. Pihak politik menyalahgunakan kuasa mereka dengan merosakkan penatapan ini dengan menarah gunung,menebang pohon dan merosakkan jeram. Perbuatan ini mendatangkan kemarahan masyarakat namun mereka terpaksa menerima keadaan tersebut disebabkan tidak mempunyai pangkat atau kuasa di situ. Perbuatan mereka yang merosakkan alam semulajadi dengan sewenang-wenangnya adalah satu perbuatan yang salah namun mereka mempunyai kuasa,darjat dan wang menyebabkan mereka tidak getar melakukan hal ini. Oleh itu,gaya bahasa metafora menerusi petikan tersebut,pengarang mengkritik sikap penguatkuasa yang sewenang-wenangnya merosakkan alam semulajadi ini.

## Petikan 27

**Usiaku sudah jauh**

Bagai ke seberang sana.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh,2014:96)

Selain itu, puisi diatas menggunakan gaya bahasa metafora iaitu gabungan perkataan konkrit dan juga abstrak. Hal ini demikian dapat dilihat pada perkataan usia iaitu kata abstrak dan usia pula adalah kata konkrit. Menerusi gaya bahasa metafora ini pengarang ingin menyatakan usianya sudah lanjut dan hampir ke penghujungnya. Beliau ingin memberitahu kepada pembaca bahawa usianya sudah tua dan bila-bila masa boleh meninggalkan dunia ini. Seterusnya, pengarang membandingkan usianya dengan lokasi di seberang sana yang jauh dan lanjut seperti usianya. Pengarang menggunakan gaya bahasa ini bagi mewujudkan kesan estetika dan meningkat kesan imaginasi dalam kalangan pembaca. Oleh itu, gaya bahasa metafora yang digunakan dalam puisi ini adalah untuk menunjukkan pemikiran pengarang yang sudah lanjut usianya.

### Petikan 28

Apa guna lagi **berdayung cinta**

Karam perahu, tenggelamlah aku.

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh, 2014:96)

Seterusnya, terdapat penggunaan gaya bahasa metafora dalam ayat berikut. Metafora ini dapat dilihat melalui perkataan berdayung cinta iaitu gabungan kata konkrit dan juga abstrak. Hal ini dapat dilihat pada perkataan berdayung iaitu kata konkrit dan juga cinta yang bersifat abstrak. Menerusi gaya bahasa metafora ini pengarang ingin memberi gambaran bahawa tiada gunanya mengejar cinta apabila usia sudah lanjut. Penggunaan gaya bahasa metafora ini dapat meninggalkan kesan estetika dan dapat memperluas imaginasi para pembaca. Oleh itu melalui gaya bahasa ini

pengarang ingin memberi sebuah gambaran tentang kekesalan mengejar cinta apabila usia sudah tua. Beliau harus mengejar cinta ilahi yang hakiki bukan cinta manusia yang sementara.

### Petikan 29

Apalagi dinihari,  
**Batu di sungai pun menggil.**

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh,2014: 67)

Menerusi contoh di atas, ada penggunaan gaya bahasa personafikasi iaitu pada perkataan ‘Batu di sungai pun menggil’. Gaya bahasa personafikasi adalah pemberian sifat manusia kepada objek bukan hidup seperti haiwan,tumbuhan dan sebagainya. Rahman Shaari (1993) menyatakan personafikasi adalah sebuah gaya bahasa kiasan yang mengandungi sifat-sifat manusia. Tambahan lagi,Rahman Shaari (1993) adalah “*pemberian sifat manusia dengan sesuatu objek atau abstraksi*”. Fungsi gaya bahasa personafikasi adalah untuk menggerakkan imaginasi para pembaca disamping menegaskan maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Merujuk petikan diatas, pengarang ingin menyatakan suasana waktu pagi di Penatapan itu sangat dingin dan sejuk dengan adanya pelbagai pohon,gunung-ganang dan jeram. Pengarang ingin memberi gambaran bahawa Penatapan itu sangat dingin pada waktu dinihari dan beliau menggunakan kata ‘Batu di sungai pun menggil’ bagi menambahkan kesan estetika pada puisi tersebut. Justeru, gaya bahasa personafikasi menerusi petikan tersebut pengarang ingin memberi gambaran kedinginan di Penatapan pada waktu dinihari.

### Petikan 30

Aku tersenyum,  
Terbayang kalau jadi hero  
Dalam filem **Cowboy**

( Naik Kuda Bang, 2014:81)

Menerusi contoh di atas, terdapat penggunaan bahasa Inggeris dalam puisi tersebut pada perkataan “*Cowboy*”. Bahasa Inggeris merupakan bahasa utama yang digunakan di seluruh dunia dan memudahkan proses komunikasi masyarakat berlainan Negara,bangsa dan agama. Di Malaysia,bahasa Inggeris adalah bahasa yang kedua yang digunakan untuk bertutur dalam kalangan masyarakat. Siti Hajar Abdul Aziz (2009) menyatakan bahasa kedua merupakan bahasa yang dipelajari selepas bahasa pertama iaitu bahasa ibundanya. Bahasa kedua ini diperoleh apabila seseorang mempelajari bahasa lain selain daripada bahasa ibundanya yang tersendiri. Ahmad Zahri (2002),bahasa Inggeris ini penting dalam proses komunikasi secara mudah dan berkesan pada era globalisasi pada masa kini. Tambahan lagi, banyak kosa kata Inggeris dipinjam dan digunakan dalam bahasa Melayu demi meningkatkan pembendaharaan dan keupayaan sebagai sebuah bahasa ilmu.

Merujuk petikan diatas, pengarang ingin menggambarkan pemikiran tentang peristiwa di Pasar Brastagi, Indonesia semasa ingin menaiki kuda. Pengembala kuda tersebut mempelawa pengarang untuk menunggang kuda dan beliau tersenyum sambil terbayangkan filem *Cowboy*. Bahasa Inggeris digunakan dalam puisi ini bagi menggambarkan filem buatan Amerika iaitu *Cowboy*. Beliau menggambarkan sekiranya dia menjadi hero dalam filem tersebut. Oleh itu, gaya bahasa Inggeris yang digunakan dalam puisi ini adalah untuk memberi gambaran kepada pembaca tentang imaginasi yang dialami oleh pengarang.

### Petikan 31

**Di** mana akan bertemu lagi?

**Di** sana, di kaki langit

(Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh,2014:99)

Berdasarkan contoh berikut, ada penggunaan gaya bahasa **anafora** iaitu pengulangan pada awal baris pada perkataan “**Di**”. Anafora adalah gaya bahasa pengulangan kata yang sama pada awal baris dan biasakan ditemukan dalam penulisan dan pertuturan. Rahman Shaari (1989) menyatakan anaphora merupakan pengulangan perkataan sebanyak beberapa kali oleh seseorang pengarang untuk memberi penegasan terhadap sesuatu perkara manakala Henry Guntur Tarigan (1989) menyatakan anafora adalah sebuah gaya bahasa repitisi kata pertama pada setiap baris. Gaya bahasa anafora ini bertujuan memberikan penegasan disamping menimbulkan kesan estetika pada puisi tersebut.

Berdasarkan contoh diatas, terdapat pengulangan kata “**Di**” pada awal baris tersebut. Pengarang ingin memberi menyampaikan penegasan berkaitan setiap pertemuan pasti adanya perpisahan dan pada akhirnya akan bertemu di bawah kaki langit yang sama. Justeru itu,gaya bahasa ini digunakan lagi menyampaikan pemikiran pengarang berkaitan pertemuan yang pasti akan berlaku pada suatu hari nanti.



## BAB 5

### RUMUSAN

#### 5.1 Pendahuluan

Bab ini adalah bab terakhir dalam kajian penyelidikan ini. Menerusi bab ini pengkaji akan merumuskan secara keseluruhan berkaitan kajian yang telah dijalankan dan menjawab semua persoalan-persoalan yang ada serta menjadikan objektif-objektif yang ditetapkan pada awal bab terjawab dengan baik. Dalam bab ini pengkaji akan memberi saranan atau cadangan yang relevan dengan kajian yang dijalankan agar dapat menjadi rujukan tambahan kepada para pengkaji berkaitan Kumpulan Puisi Matahari Itu Jauh karya Encik Rosli K Matari. Berdasarkan kajian ini buku Kumpulan Puisi Matahari itu Jauh karya Encik Rosli K Matari dan buku Puitika Sastera Melayu edisi ketiga karya sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh banyak membantu pengkaji dalam mencapai semua objektif dengan tepat dan jelas. Dalam memartabatkan karya puisi moden perbincangan ini turut disertakan dengan saranan yang sewajarnya dan dapat meningkatkan nilai kesusastraan dalam kalangan pelajar

## 5.2 Perbincangan

Bab 1 membincangkan pengenalan yang merangkumi subtopiknya iaitu pendahuluan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi konsep, dan kesimpulan. Puisi moden merupakan sebuah seni yang digemari oleh masyarakat yang berperanan untuk meluahkan atau menzahirkan sesuatu. Terdapat pelbagai unsur intriksik dan entrinsik yang terkandung dalam puisi-puisi yang boleh memberi didikan serta pengajaran kepada masyarakat. Keindahan puisi ini dapat dilihat dari seni atau gaya bahasa yang digunakan dalam puisi. Kajian ini membolehkan masyarakat mengenali jenis gaya bahasa yang terdapat dalam sesebuah puisi dan dapat belajar berkaitan teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh.

Bab 2 membincangkan berkaitan sorotan kajian lepas yang merangkumi pengenalan, kajian lepas mengenai puisi, kajian lepas mengenai gaya bahasa dan juga kajian lepas mengenai teori Puitika Sastera Melayu dan kesimpulan. Kajian lepas ini diambil daripada tesis, artikel jurnal dan lain-lain. Pengkaji melihat kajian berkaitan puisi Melayu telah banyak dilaksanakan oleh sarjana lepas. Namun begitu, kajian berkaitan gaya bahasa dan teori Puitika Sastera Melayu masih kurang dijalankan. Oleh itu kajian berkaitan gaya bahasa dan teori Puitika Sastera Melayu perlu dilaksanakan lagi bagi membolehkan masyarakat memahami keindahan bahasa yang terdapat dalam puisi-puisi Melayu.

Seterusnya, Bab 3 membincangkan berkaitan metodologi kajian yang merangkumi pengenalan,reka bentuk kajian,cara pengumpulan data,kaedah penerapan teori dan kesimpulan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam proses pengumpulan data berkaitan kajian ini. Cara pengumpulan data adalah melalui analisis dokumen, kaedah kepustakaan, kaedah internet dan juga kaedah temu bual. Pengkaji menggunakan teori Puitika Sastera Melayu untuk mengkaji gaya bahasa yang terdapat dalam *Kumpulan puisi Matahari Itu Jauh* karya Rosli K Matari. Kajian ini menggunakan data sekunder dengan mengumpulkan maklumat melalui artikel,jurnal,tesis dan lain-lain. Kaedah temu bual juga digunakan bagi mendapatkan maklumat secara terperinci berkaitan bagi melancarkan kajian ini.

Menerusi bab 4 membincangkan hasil dapatan kajian yang diperoleh melalui kaedah kualitatif. Segala maklumat yang diperoleh dianalisis oleh pengkaji. Analisis pertama adalah mengenal pasti jenis gaya bahasa yang terdapat dalam Kumpulan puisi *Matahari Itu Jauh*. Hasil kajian pengkaji dapat mengenalpasti jenis gaya bahasa yang terdapat dalam puisi tersebut.menganalisis maksud gaya bahasa melalui pendekatan yang indah-indah dalam teori Puitika Sastera Melayu dan menghubungkan gaya bahasa dan pemikiran pengarang menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu.

### 5.3 Cadangan

Cadangan pengkaji dalam menarik minat masyarakat agar mempelajari dan memahami keindahan bahasa dalam sesebuah puisi. Pengkaji pecahkan kepada tiga aspek iaitu:

#### 5.3.1 Individu

Berdasarkan pernyataan masalah yang dikemukakan oleh pengkaji, individu kurang berminat mempelajari gaya bahasa disebabkan kewujudan media sosial seperti Instagram, Facebook, Tiktok dan sebagainya telah menyebabkan kemunculan bahasa-bahasa rojak yang boleh menjatuhkan martabat sesuatu bahasa. Bahasa adalah salah satu elemen penting dalam penghasilan sesebuah puisi. Keindahan bahasa yang digunakan dalam sesebuah puisi mampu mencorakkan sikap seseorang. Bahasa perlulah dipelihara agar nilai keindahannya dapat dikekalkan sepanjang zaman.

Oleh hal yang demikian, pemerkasaan bahasa dalam puisi amat penting agar nilai-nilai murni dan pengajaran dapat disampaikan dengan baik. Bahasa yang digunakan haruslah memberi manfaat dan tidak mengandungi perkataan-perkataan yang menghina, lucah atau sebagainya. Kehadiran teknologi haruslah dimanfaatkan sebaik mungkin agar puisi-puisi Melayu dapat dikekalkan dan dipelihara dengan baik. Penggunaan bahasa yang baik, indah dan tersusun mampu memberi pandangan yang baik terhadap puisi-puisi Melayu.

### 5.3.2 Masyarakat

Seterusnya, masyarakat kurang meminati untuk mempelajari bahasa yang terdapat dalam puisi. Hal ini demikian, disebabkan mereka menganggap bahasa tidak penting untuk dipelajari disebabkan pengaruh-pengaruh bahasa asing yang ada di Malaysia. Bahasa asing seperti bahasa Inggeris,bahasa mandarin, bahasa Korea dan sebagainya dianggap penting kerana sering mereka sering menonton dengan filem-filem luar Negara. Hal ini demikian telah menyebabkan puisi-puisi kurang dikenali apatah lagi untuk mempelajari gaya bahasa yang terdapat didalamnya.

Oleh hal yang demikian, pihak berwajib haruslah giat mempromosikan filem Melayu yang mempunyai bahasa yang baik lebih-lebih lagi cerita berkaitan hikayat atau lagenda yang kaya dengan pelbagai seni bahasa didalamnya. Cerita-cerita seperti ini mampu memberi pengajaran serta mendidik masyarakat agar menjadi insan yang menjaga tutur katanya Hal ini sekaligus dapat menarik minat masyarakat agar mempelajari seni atau ragam bahasa yang terdapat dalam pelbagai genre Melayu.

### 5.3.3 Negara

Di samping itu, kurang pengetahuan berkaitan bahasa oleh masyarakat menyebabkan Negara akan menjadi mundur. Hal ini demikian disebabkan bahasa utama adalah bahasa Melayu dan merupakan bahasa yang digunakan oleh masyarakat tradisi untuk bertutur kata atau melontarkan pandangannya. Menerusi puisi-puisi Melayu bahasa Melayu digunakan bagi memberi didikan serta pengajaran kepada masyarakat.

Oleh hal yang demikian, masyarakat harus mempelajari bahasa Melayu dengan betul dan tidak menggunakan bahasa-bahasa pasar atau rojak yang boleh merosakkan bahasa kita. Pelbagai kursus atau kelas boleh diadakan bagi mempelajari Bahasa Melayu ini agar keindahan estetika dalam bahasa ini dapat dikenalkan dan dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Negara juga akan menjadi makmur dan harmoni apabila rakyatnya menghargai bahasa nenek moyang mereka. Hal ini demikian sekaligus dapat menarik minat mereka supaya menghargai puisi Melayu yang kaya dengan pelbagai estetikanya.

#### 5.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, puisi merupakan salah satu warisan nenek moyang yang penting untuk dikekalkan. Kehadiran puisi moden telah banyak memberi impak yang positif kepada masyarakat kerana mengandungi pelbagai estetika bahasa yang mampu memberi didikan dan pengajaran kepada masyarakat. Gaya bahasa adalah ragam bahasa yang digunakan dalam sesebuah penulisan. Gaya bahasa dalam sesebuah puisi ini penting dalam mendidik masyarakat. Oleh hal yang demikian, puisi dan gaya bahasa ini harus dipelihara kerana ianya sangat penting kepada individu, masyarakat dan juga Negara.

Pelbagai usaha boleh dijalankan bagi meningkatkan dan menarik minat masyarakat terhadap puisi dan penggunaan bahasa dalam sesebuah puisi. Melalui teori Puitika Sastera Melayu masyarakat dapat belajar berkaitan keindahan bahasa melalui kepenggarangan Melayu terutamanya puisi.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## Rujukan

Ayit, N. *Muhammad Haji Salleh dan Siti Zainon Ismail sebagai Penyair Alam* (Penerbit USM).

Penerbit USM.

Al-Ma'ruf, A. I. (2009). Stilistika: Teori, metode, dan aplikasi pengkajian estetika bahasa.

Abas, H. (2001). *Puisi-puisi Zaihasra: satu kajian pesimisme* (Doctoral dissertation, Universiti

Putra Malaysia).

Abdullah, Z., Rosnan, F. N. R., & Arifin, A. N. Z. Analisis Morfologi dalam Syair Perahu.

Anwar, K. (2016). *Tradisi sastera Johor-Riau: suatu kajian terhadap syair sejarah= The Johor-*

*Riau literary tradition: a study on its historical poems* (Doctoral dissertation)

Ali, A. H. (2011). Konsep Keindahan dalam Kesusastraan Melayu Tradisional: Beauty Concept in Traditional Malay Literature. *PENDETA*, 2, 99-117.

Banseng, S., & Sandai, R. (2017). Unsur Bahasa Kiasan Metafora Dalam Sampi Iban: Elements of the Figurative Language of Metaphor in Sampi Iban. *PENDETA*, 8, 116-121.

Bakar, S. A. (1998). *Estetika Dalam Puisi Usman Awang dan Muhammad Haji Salleh: Unsurunsur Tradisi dan Inovasi* (Doctoral dissertation, Tesis sarjana. Universiti Sains Malaysia, PulauPinang).

Bakar, S. A., Hassan, A. R., & Ismail, K. **FALSAFAH TERSIRAT DALAM PEMBAYANG**

PANTUN TRADISIONAL MELAYU. *Malay, Arabic and English Literature (ICMAEL*

2022), 455.

Din, G., & Ali, A. H. (2020). Naluri kemasyarakatan mengangkat keunggulan kepengarangan

Muhammad Hj Salleh terhadap pembangunan minda bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26-41.

Efrizal, A. S. (2012). *Kajian Estetika Dalam Cerita Rakyat Melayu Kuantan Riau*

*Indonesia* (Doctoral dissertation, Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya).

Eizah, M. H. (2016). *Simbol dan makna dalam Pantun Melayu Bingkisan Permata/Eizah Mat*

*Hussain* (Doctoral dissertation, University of Malaya)

Ghafar, N. (2001). *Muhammad Haji Salleh: A Poet in Two Languages* (Doctoral dissertation,

Jabatan Inggeris, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

ISMAIL, H. (2019). TEORI PUITIKA SASTERA MELAYU: INTERPRETASI DAN

PRAKTIKALITI: Malay Poetic Theory: Interpretation and Practicality. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 29.

Kamarudin, S. A. (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.

Kerya, M. Y., Mohd Ishak, F., & Wan Ismail, W. R. (2015). Gaya bahasa dalam teater tradisional Mek Mulung.

Mohammad Shahmin Mejah (2023) Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan

Muhammad, A. (2014). *Penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama bidang kajian: linguistik* (Doctoral dissertation, University of Malaya)

Muhammad Haji Salleh. (1989). *Puitika Sastera Melayu: Satu Pertimbangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Muzakka, M. (2018). Nilai Estetika Sajak “Sisa-SisaUsia” Karya Soedjarwo dan “Sajak Orang Tua” Karya Rahmat Djoko Pradopo. *Nusa: Jurnal Ilmu Bahasa dan Sastra*, 13(1), 64-75.

Nurul Farihah Hamzah (2023) Sistem Sosial Syair Puteri Alam Melayu Dalam Buku

Kumpulan Puisi Syair Puteri: Satu Pengaplikasian Teori Fungsionalisme. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan.

Nur Amelia Farhana Zuraimi (2022) Estetika Dan Kebijaksanaan Dalam Pantun Melayu : Suatu

Kajian Berdasarkan Puitika Sastera Melayu. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan

Rahmadini, F. E., Maryatin, M., & Musdolifah, A. (2018). Kajian Semiotika pada Kumpulan Puisi Karya Mahasiswa Semester V Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia Angkatan Tahun 2014. *Jurnal Basataka (JBT)*, 1(2), 41-46.

Radzi, S. F., & Baharudin, H. (2019). Analisis Kontrasif Tasybih Dan Istia'rah Dengan Simile Dan Metafora. *Jurnal ILMI*, 9(1), 44-55.

Siti Hajar Binti Zainuddin (2022) Kajian Semiotik Dalam Puisi Benih Harapan Karya A.Samad Said: Pendekatan Teori Semiotik. Final Year Project thesis

Siti Nur Syakira binti Ab Aziz (2023) Nilai estetika dalam pantun kanak-kanak Adik Sayang Pantun: penerapan puitika sastera melayu. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan.

Soh, N. A. C., & Kamaruddin, R. (2016). Makna dalam Puisi Terpilih Usman Awang. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 57-64.

Syamsiyah, N., & Rosita, F. Y. (2020). Gaya Bahasa dalam Kumpulan Puisi "Dear You" Karya

Moammar Emka. *Diglosia: Jurnal Kajian Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 3(1), 1-13.

Taisin, N. J. (2019). Unsur metafora dalam puisi lisan tradisional Kadazandusun. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 153-172.

Wiliemina Nily Anak Gading (2023) Kajian biotik di dalam puisi Iban Leka Sampi: satu interaksi di antara manusia dan alam menggunakan teori ekologi. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan.

Wahab, N. I. A. (2023). *Penerapan Bahasa Halus Dalam Filem Melayu Klasik Terpilih Tahun 60-an: Lambang Kesantunan Masyarakat Melayu* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).

Zurinah Hassan, (8 Ogos 2019). Usaha martabat Sastera sia-sia tanpa generasi muda

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN